



**MODEL TADBIR URUS BERTERASKAN  
MAQASID SYARIAH**



# INDEKS SYARIAH

MALAYSIA

**MODEL TADBIR URUS BERTERASKAN  
MAQASID SYARIAH**



# INDEKS SYARIAH MALAYSIA

## MODEL TADBIR URUS BERTERASKAN MAQASID SYARIAH

*Diterbitkan Oleh*

© JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Hak Cipta Terpelihara 2015

Hak Cipta Terpelihara tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.



- i* MESEJ YAB PERDANA MENTERI
- ii* MESEJ YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
- iii* KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM
- 1** LATAR BELAKANG
- 11** MAQASID SYARIAH SEBAGAI ASAS UKURAN INDEKS SYARIAH MALAYSIA
  - Syariah Dalam Kehidupan Ummah
  - Kepentingan Maqasid Syariah
  - Asas-Asas Utama Maqasid Syariah
- 25** PEMBANGUNAN INDEKS SYARIAH MALAYSIA
  - Teras Utama Pembinaan Indeks Syariah Malaysia
  - Parameter Umum Bagi Indeks Syariah Malaysia
  - Bidang-Bidang Utama Pengukuran Indeks Syariah Malaysia
  - Metodologi Pembinaan Indeks Syariah Malaysia
  - Mekanisme Pembinaan Indeks Syariah Malaysia
- 51** PENUTUP
- 57** BIBLIOGRAFI
- 64** GAMBAR JAWATANKUASA TADBIR URUS INDEKS SYARIAH MALAYSIA



## Mesej YAB Perdana Menteri Malaysia



*“Di Majlis Perdana Ulama’~Umara’ pada 28 Ogos 2014, saya telah cetuskan satu idea, bagi Malaysia melakarkan satu dimensi baru berkaitan Indeks Syariah Malaysia yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini. Indeks ini merupakan satu produk pelengkap tadbir urus Islam di Malaysia, yang boleh dianggap mempunyai nilai-nilai perintis. Dalam erti kata ia adalah menyeluruh, komprehensif dan yang pertama seumpamanya di dunia”.*

**Ucapan YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak  
sempena Majlis Perdana Ulama' ~ Umara' 2015 dan Pelancaran Indeks Syariah Malaysia  
pada 10 Februari 2015  
di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.**



## Mesej YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri



*“Indeks Syariah Malaysia bukanlah suatu skim galakkan tetapi ia merupakan inisiatif pihak Kerajaan untuk melihat kesungguhan dan usaha yang telah dilakukan dalam melaksanakan dasar-dasar pentadbiran berasaskan prinsip-prinsip kesejagatian Islam yang berpaksikan kepada Maqasid Syariah. Adalah diharapkan ia akan menjadikan Malaysia sebagai benchmark kepada negara Islam lain dalam mengukur Indeks Syariah agar ia boleh diimplementasikan di negara mereka”.*

**YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Hj. Baharom (B)**




## Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah JAKIM



*Segala puji-pujian dirafakkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan sekalian alam dan selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW.*

*Alhamdulillah dengan taufik dan inayahNya, buku “**Indeks Syariah Malaysia-Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah**” telah berjaya diterbitkan oleh JAKIM sebagai bahan rujukan dan panduan kepada semua peringkat pembuat dasar, pelaksana dasar dan masyarakat. Pada 10 Februari 2015 YAB Perdana Menteri telah melakar satu dimensi baru dengan melancarkan Indeks Syariah Malaysia sejajar dengan hasrat dan kesungguhan Kerajaan untuk melaksanakan pendekatan Maqasid Syariah dalam pentadbiran negara.*




*Maqasid Syariah sememangnya telah diaplikasikan sebagai teras dalam pemerintahan di Malaysia selama ini, hanya ia belum pernah diukur pada suatu tahap sebenar. Oleh itu, telah tiba masanya suatu pendekatan serius diambil oleh Kerajaan bagi menilai keseriusan usaha Kerajaan dalam menepati piawaian Islam berkaitan dasar dan program Kerajaan yang dilaksanakan dari tahun ke tahun. Indeks Syariah Malaysia ini merupakan satu model dan produk tadbir urus Islam yang boleh dianggap mempunyai nilai-nilai perintis. JAKIM selaku agensi penyelaras hal ehwal Islam di Malaysia telah diamanahkan untuk merealisasikan hasrat murni Kerajaan ini.*

*Saya berharap penerbitan buku ini dapat memberikan maklumat dan penjelasan kepada seluruh masyarakat dalam memahami pendekatan Indeks Syariah Malaysia yang baru diperkenalkan ini. Mudah-mudahan segala usaha murni ini akan beroleh rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT.*

*Sekian, terima kasih.*

**Dato' Haji Othman Bin Mustapha**



# INDEKS SYARIAH

M A L A Y S I A

## MODEL TADBIR URUS BERTERASKAN MAQASID SYARIAH

LATAR BELAKANG

### LATAR BELAKANG

Syariah ialah perintah Allah yang disampaikan melalui Al-Quran dan As-Sunnah untuk semua aktiviti manusia termasuk akidah, akhlak, fiqh ibadah, undang-undang keluarga, perdagangan, komersial dan jenayah. Maqasid Syariah pula adalah objektif utama syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta untuk kebajikan manusia (Al-Raysuni, 1991; Mohammad Hashim Kamali, 2012). Maqasid Syariah merangkumi seluruh aspek kehidupan iaitu sosioekonomi serta pembangunan manusia yang mencakupi aspek pendidikan dan kekeluargaan yang mana ia adalah kerangka lengkap untuk pembangunan negara Islam (Umer Chapra, 2008).

Amir, H. M. dan lain-lain (2012) dalam menjalankan kajian berkaitan *Pelaksanaan Prinsip Maqasid Syariah Dalam Pentadbiran Negara Islam* menggunakan kaedah rujukan buku-buku, jurnal dan bahan-bahan cetakan berkaitan untuk membuat analisis. Kajian mereka mengetengahkan pendapat Abd Al-Wahab (1987) bahawa terdapat tiga (3) prinsip utama dalam melaksanakan undang-undang Islam iaitu:

- i. membawa pengurusan negara selari dengan kehendak Islam;
- ii. memastikan kepentingan manusia diberi keutamaan sepanjang masa; dan
- iii. membentuk Islam dalam sistem pentadbiran negara.

Mereka merumuskan bahawa pengurusan negara Islam yang cekap dan berkesan bergantung pada pelaksanaan prinsip syariah iaitu *Qawa'id Maqasidiyyah* (kaedah-kaedah mencapai tujuan), *Jalb Al-Masalih Wa Dar' Al-Mafasid* (menjaga kemaslahatan dan menolak kerosakan) dan *Fiqh Al-Awlawiyyat* (fiqh keutamaan). Terdapat beberapa kajian dilaksanakan ke atas pembangunan sosioekonomi dengan menggunakan elemen Maqasid Syariah. Salman Syed Ali dan Hamid Hasan (2014) membuat kajian mengenai kemiskinan berasaskan elemen Maqasid Syariah di Pakistan. Mereka membuat kajian ke atas 2,000 responden dengan menggunakan beberapa soalan daripada *World Values Survey* tahun 2005-2008. Berdasarkan kajian lapangan, mereka merumuskan daripada lima elemen dalam Maqasid Syariah yang mana elemen pemeliharaan keturunan adalah penyumbang terendah bagi faktor kemiskinan manakala pemeliharaan harta pula adalah penyumbang tertinggi pada kemiskinan. Sehubungan itu, mereka mencadangkan kepada Kerajaan Pakistan supaya memberi fokus kepada keselamatan serta kawalan ke atas harta serta kekayaan rakyat miskin dan lemah bagi mengurangkan kadar kemiskinan di negara tersebut.

Harzat Mirza Tahir Ahmad Khalifatul Masih IV (1992) dalam sebuah kongres antara agama pada 3 Jun 1991 menyatakan bahawa syariah adalah undang-undang Islam dan pertanyaan yang sering dibangkitkan adalah sejauh mana syariah dijadikan undang-undang sesebuah negara. Beliau menyatakan bahawa tidak mudah bagi sesebuah negara yang berbilang agama seperti India untuk melaksanakan undang-undang Islam secara keseluruhan. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan agar undang-undang Islam dikuatkuasakan bermula di salah sebuah pekan kecil agar pelaksanaannya dapat dicapai dan diukur sebelum undang-undang syariah dilaksanakan di seluruh negara. Pandangan Harzat Mirza Tahir Ahmad Khalifatul Masih IV (1992) berkaitan kesukaran untuk mengaplikasikan undang-undang Islam di negara berbilang agama diperkuuhkan lagi dengan pendapat Javed Ahmad Ghamidi (diterjemahkan oleh Shehzad Saleem, 2005) yang mana tiada satu sistem politik yang dinyatakan di dalam Al-Quran dan As-Sunnah diamalkan secara menyeluruh di dunia.

Namun, beliau menyatakan bahawa kebelakangan ini, terdapat usaha oleh

umat Islam untuk memahami politik patuh syariah dan kaedah untuk mengaplikasikannya. Seterusnya, beliau dalam menghuraikan tentang politik Islam telah merumuskan bahawa:

- i. kerajaan Islam bukanlah *teokrasi* atau *monarki*, namun lebih pada *demokrasi* selagi mana disokong oleh rakyat;
- ii. pemilihan pemimpin hendaklah melalui pemilihan yang adil dan mendapat sokongan majoriti rakyat;
- iii. syarat kerakyatan yang berkaitan zakat hanya wajib kepada orang Islam sahaja;
- iv. rakyat yang bukan beragama Islam juga perlu diambil berat berdasarkan keperluan kebajikan negara;
- v. undang-undang Islam terbahagi pada dua iaitu solat dan zakat, serta undang-undang jenayah seperti mencuri dan membunuh; dan
- vi. wajib mentaati pemerintah kecuali pemimpin yang zalim dan menyimpang daripada ajaran Islam.

Kajian oleh Syarizal Abbas (2015) ke atas pelaksanaan syariah di Aceh, merumuskan bahawa terdapat empat (4) faktor kejayaan dalam pelaksanaan syariah. Empat (4) faktor kejayaan yang dinyatakan dalam kajian beliau adalah *materi hukum*, *aparatur penegak hukum*, *sarana-prasarana hukum* dan *budaya hukum*. Beliau menegaskan bahawa keempat-empat faktor tersebut diperlukan untuk melaksanakan hukum syariah dengan berkesan. Selain itu, pelaksanaan yang berkesan mampu mengurangkan kadar jenayah dan kesalahan terutamanya arak, judi dan khalwat di Aceh. Seterusnya, pelbagai usaha dibuat untuk mentafsir sebuah negara Islam dan mengukur tahap pematuhan syariah sesebuah negara. Pada tahun 2006, satu kajian dijalankan oleh *Cordoba Initiative* bagi mengukur tahap pematuhan syariah. Kajian tersebut dikenali sebagai *Shari'ah Index Project*. Projek ini dipengerusikan

oleh Imam Feisal Rauf. Selain itu, projek tersebut bertujuan untuk memberi tafsiran sebuah negara Islam berdasarkan undang-undang Islam. Kajian berkenaan melibatkan 44 buah negara yang majoriti rakyatnya adalah beragama Islam (Rasha Elass, 2009). Imam Feisal Rauf dalam artikel beliau yang bertajuk, *Justification & Theory of Shariah Law: How the American Declaration of Independence, Bill of Rights and Constitution Are Consistent with Islamic Jurisprudence* (2010), menerangkan tentang projek tersebut dan dapatkan kajian beliau.

Menurut beliau, terdapat tiga fasa dalam *Shari'ah Index Project*. Fasa pertama adalah mengkaji tentang tafsiran mengenai negara Islam daripada pakar-pakar Sunni dan Syiah. Ini bertujuan untuk memahami tafsiran negara Islam menurut undang-undang Islam dan mewujudkan kriteria pengukuran. Fasa kedua fokus pada kajian membangunkan kaedah secara kuantitatif dan kualitatif bagi mengukur tahap pematuhan syariah oleh negara Islam berdasarkan kriteria yang dipersetujui oleh pakar-pakar. Fasa tersebut merangkumi kajian bagi menetapkan indeks dan mengukur tahap pematuhan syariah oleh sesebuah negara.

Akhirnya, fasa ketiga adalah terdiri daripada analisis, cadangan dan pembentangan data bagi pencapaian markah sesebuah negara dalam mematuhi syariah. Imam Feisal dalam artikel tersebut telah merumuskan bahawa *American Bill of Rights* dan perlombagaannya adalah selari dengan prinsip Islam untuk perkara berkaitan dengan hak serta hubungan sesama insan dan tanggungjawab serta amanah seorang manusia. Didakwa bahawa terdapat persamaan antara pernyataan *American Declaration of Independence* dengan pandangan Islam mengenai hubungan manusia dengan Tuhan serta dosa dan pahala.

Pelbagai usaha telah dipergiatkan oleh pengkaji-pengkaji Islam mahupun bukan Islam berkaitan pelbagai isu dan perkara mengenai syariah dan Maqasid Syariah. Berdasarkan kajian-kajian sebelum ini, mereka membuktikan keperluan dan kepentingan aspek patuh syariah dalam pelbagai sektor bukan sahaja untuk memenuhi tuntutan agama, malah bagi meningkatkan hasil dan ekonomi

negara. Dalam konteks inisiatif untuk mengukur tahap keseriusan sesebuah negara dalam mematuhi Maqasid Syariah secara menyeluruh, ia dianggap sebagai inisiatif perintis yang boleh dijadikan rujukan atau pengukuhan oleh mana-mana pihak pada masa hadapan.

Beberapa indeks telah dibangunkan sebagai variasi atau alternatif kepada Indeks Pembangunan Manusia (HDI) di mana kesejahteraan manusia dalam proses pembangunan diukur seperti Indeks Kualiti Kehidupan, Indeks Kebahagiaan dan Indeks Makna Kehidupan. Kajian menunjukkan usaha untuk mengintegrasikan aspek agama yang mencerminkan kesejahteraan dalam pembangunan rohani yang telah diiktiraf sebagai satu komponen penting dalam pembinaan indeks adalah sangat kurang.

Indeks Pembangunan Manusia (E-HDI) oleh Dar (2004), Indeks Pembangunan Manusia (I-HDI) oleh Anto (2009) dan Indeks *Islamicity* (I2) oleh Rehman dan Askari (2010) adalah tiga daripada cubaan tersebut. E-HDI adalah berdasarkan Maqasid Syariah dan ia mengambil kira perubahan sosial dan pembangunan untuk semua negara. Ia merangkumi dengan lebih jelas unsur-unsur etika dalam mengukur pembangunan dengan menggabungkan hak kebebasan, kepercayaan, keprihatinan terhadap isu alam sekitar dan nilai-nilai kekeluargaan dalam HDI itu. Anto (2009) pula cuba untuk membangunkan indeks dengan I-HDI. Indeks itu terdiri daripada apa yang dipanggil sebagai Indeks Kebajikan Material (MWI) dan Indeks Kebajikan Bukan Material (NWI) yang mewakili lima keperluan asas dalam Maqasid Syariah. Di samping itu, ia juga termasuk Indeks Kebebasan dan Indeks Alam Sekitar.

Indeks *Islamicity* telah dibangunkan untuk mengukur tahap “*Islamicity*” negara-negara Islam dan bukan Islam berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Indeks ini dibangunkan bagi tujuan untuk mengetahui sama ada Islam adalah faktor yang meningkatkan pembangunan manusia dan prestasi ekonominya. Ia menggunakan empat (4) subindeks iaitu Indeks *Islamicity* Ekonomi (EI<sup>2</sup>), Indeks *Islamicity* Perundangan dan Tadbir Urus (LGI<sup>2</sup>), Indeks *Islamicity* Manusia dan Hak Politik (HPI<sup>2</sup>) dan Indeks *Islamicity* Perhubungan Antarabangsa (IRI<sup>2</sup>). Indeks ini secara ringkas, mengukur pematuhan kerajaan untuk prinsip-prinsip Islam

dalam bidang ekonomi mereka; integriti undang-undang dan tadbir urus alam sekitar; tahap hak-hak sivil dan politik; dan hubungan dengan masyarakat dunia berkenaan dengan beberapa bidang utama yang memberi sumbangan kepada alam sekitar, globalisasi, penglibatan tentera, dan risiko kepada negara secara keseluruhan (Rehman dan Askari, 2010).

Dalam indeks ini, prinsip-prinsip ekonomi, kewangan, politik, undang-undang dan sosial Islam telah diwakili oleh 67 proksi yang menjadi amalan *standard* tadbir urus yang baik dan ekonomi yang baik yang terpakai bagi semua negara tanpa mengira orientasi keagamaan mereka. Bagaimanapun, Indeks *Islamicity* ini pada dasarnya menggunakan petunjuk yang sedia ada mewakili nilai-nilai *universal*, dan oleh itu ia tidak benar-benar berdasarkan Maqasid Syariah.

Pada masa ini, jumlah umat Islam adalah suku daripada jumlah penduduk dunia. Perkara ini telah mendorong pada peningkatan permintaan kepada pelaburan Islam oleh pelabur. Namun, Price Water House Coopers (2009), dalam *Syariah-Compliant Funds: A Whole New World of Investment* menyatakan bahawa sistem kewangan yang patuh syariah mencapai kurang daripada satu peratus. Oleh yang demikian, *Price Water House Coopers* menegaskan bahawa keperluan mewujudkan kajian ke atas dana patuh Syariah hendaklah dilaksanakan oleh semua pihak berkaitan.

Permintaan pasaran modal patuh syariah telah meningkat secara mendadak. Sehingga ke hari ini, beratus-ratus indikator patuh syariah telah dilancarkan oleh negara-negara dalam dunia seperti *Dow Jones* dan *FTSE Global* yang melancarkan *DJIMI Shari'ah Compliant Index* dan *FTSE Global Index Series (GIIS)*. Terdapat syarat dalam pasaran modal kepada syarikat di antaranya ialah keperluan Panel Syariah, pelaksana Audit Syariah, pendapatan yang bersih daripada unsur-unsur riba dan haram, penyaringan aset, serta pemegang amanah dan perjanjian.

Pelbagai kajian berkaitan prestasi pelaburan patuh syariah dalam aspek risiko, pulangan dan prestasi keseluruhan pelaburan Islam telah dijalankan. Antara kajian berkaitan prestasi pelaburan dana Islamiah adalah kajian oleh Collina dan Gatti (2009). Kajian mereka mendedahkan bahawa prestasi pelaburan dana

Islam adalah memuaskan dalam keadaan pasaran baik, berkembang mahupun dalam situasi ekonomi merundum. Ini adalah berdasarkan pada dua (2) perkara iaitu:

- i. sistem kewangan dan ekonomi Islam yang kurang pesaing; dan
- ii. kriteria dana Islam.

Kriteria dana Islam menawarkan peluang pelaburan yang selamat dan mampu menghadapi perubahan serta mengejutkan pasaran. Walau bagaimanapun, berdasarkan penanda aras mereka, didapati bahawa prestasi pelaburan dana Islam adalah di bawah penanda aras dalam tahun 2006 sehingga 2009. Mereka merumuskan bahawa pelaburan dana Islam mampu berkembang di Itali. Namun ia memerlukan kemahuan politik dan budaya berkaitan dengan Islam. Selanjutnya, kajian oleh Collina dan Gatti disokong oleh Mohsina Habib dan Khalid ul Islam (2014). Mereka menjalankan kajian mengenai perbandingan prestasi *MSCI India Islamic Index* dan *MSCI Malaysia Islamic Index* dengan indeks konvensional untuk tempoh sebelas tahun iaitu, 2003 sehingga 2013. Mereka mendapati bahawa prestasi indeks Islam India adalah kurang memuaskan, manakala prestasi indeks Islam di Malaysia pula adalah memuaskan berbanding indeks konvensional. Walau bagaimanapun, prestasi kedua-dua indeks tersebut adalah lebih baik daripada indeks konvensional sewaktu krisis ekonomi.

Asyraf Wajdi Dusuki dan Abdulazreen Abozaid (2007) telah menjalankan satu kajian mengenai cabaran melaksanakan Maqasid Syariah dalam perbankan dan kewangan Islam. Mereka menyatakan bahawa perbezaan di antara perbankan Islam dengan perbankan konvensional adalah kaedah dan nilai yang dilaksanakan oleh perbankan Islam. Kajian tersebut memberi gambaran mengenai konsep Maqasid Syariah termasuklah kebajikan masyarakat Islam, kewangan Islam, maqasid segi makro dan mikro serta banyak perkara penting berkaitan dengan syariah termasuk jurang perbezaan di antara prinsip dan praktis. Mereka merumuskan bahawa cabaran dalam perbankan dan kewangan Islam ialah pemahaman yang tepat mengenai Maqasid Syariah dan

syariah itu sendiri hingga menyebabkan terdapat pelaksanaan di perbankan Islam yang hanya mempraktikkan sebahagian daripada prinsip syariah. Seterusnya, mereka mencadangkan agar semua transaksi yang dilaksanakan mematuhi syariah bukan sahaja segi teknikal, malah juga meliputi sumber ekonomi.

Terdapat juga kajian mengenai tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*) di bank-bank Islam di Indonesia dan Malaysia. Kajian telah dijalankan ke atas *Islamic Social Reporting Index* sebagai model pengukuran kerja sosial perbankan syariah. Kajian perbandingan dijalankan oleh Hafez Sofyani, Ihyaul, Daniel Syam dan Sri Wahjuni L. bagi membanding kerja-kerja sosial dalam perbankan Islam di Indonesia dan Malaysia. Asyraf Wajdi dan Dar. H (2005) menyatakan bahawa tanggungjawab sosial adalah selari dengan landasan Islam iaitu moral, etika dan tanggungjawab sosial kerana taat kepada Allah. Analisis dilaksanakan dengan menggunakan item aktiviti sosial dalam Laporan Kewangan Tahunan bagi tempoh 2009 hingga 2010. Berdasarkan hasil kajian, mereka mendapati bahawa tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*) lebih tinggi di kalangan perbankan Islam di Malaysia berbanding di Indonesia. Namun, tiada perbankan Islam di kedua-dua negara tersebut mendapat kriteria yang sangat baik kerana institusi-institusi berkenaan tidak menjalankan aktiviti persekitaran seperti *green product*.

Sektor kewangan bukanlah satu sahaja sektor yang dikaji berkaitan dengan syariah. Terdapat juga kajian patuh syariah ke atas sektor pelancongan oleh para penyelidik. Menurut laman sesawang *Tourism Malaysia*, Kementerian Pelancongan Malaysia mensasarkan sejumlah 36 juta pelancong asing dengan pendapatan RM168 bilion pada tahun 2020. Kementerian berkenaan juga mensasarkan untuk meningkatkan bilangan pelancong dari negara-negara Timur Tengah seperti Arab Saudi, United Arab Emirates (UAE) dan Iran. Oleh yang demikian, wujud keperluan memastikan Malaysia menawarkan produk dan perkhidmatan patuh syariah seperti dalam industri perhotelan dan makanan halal. Penemuan kajian menunjukkan bahawa Malaysia telah mewujudkan perkhidmatan hotel patuh Syariah. Namun hotel tersebut hanya

mematuhi larangan penyediaan minuman keras dan menghidangkan makanan halal. Terdapat juga kehendak dalam syariah yang perlu dipatuhi oleh hotel seperti mengasingkan kolam renang untuk lelaki dan wanita, peralatan rekreasi, pembayaran zakat dan pengamalan sistem kewangan Islam yang perlu diaplikasikan oleh industri perhotelan (M. Yusof, M. F dan Muhammad, M. Z (2010).

Berhubung kajian ke atas sektor perkhidmatan dan produk menunjukkan bahawa ia dirangsang oleh peningkatan permintaan makanan halal dan perkhidmatan hotel yang patuh syariah dari tahun ke tahun. Kerajaan Malaysia menerusi Program Transformasi Ekonomi turut memberi fokus pada sektor pelancongan dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah destinasi pelancongan menarik bagi pelancong Islam dan bukan Islam. Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan dalam usaha menarik lebih ramai pelancong Islam telah mewujudkan *standard* dan prosedur untuk pensijilan halal. Menurut kajian oleh Rajagopal, Ramanan, Visvanathan dan Satapathy (2011), pensijilan halal boleh menjadi kaedah pemasaran yang baik untuk produk dan perkhidmatan halal. Manakala Zailani, Omar dan Kepong (2011) pula mendapati bahawa hotel yang mempunyai sijil halal lebih kompetitif berbanding hotel-hotel yang masih belum mempunyai sijil halal.

Seterusnya, kajian patuh syariah juga dibuat dalam sektor kesihatan. Kajian oleh Nurhanie Mahjom, Mohammad Alias dan Noor Fadzilah Zulkifli (2011) dalam *Critical Success Factors for Bumiputera/Muslim Medical Tourism Provider: Solution for Financing Needs Using Financing Instruments* ke atas hospital swasta milik Bumiputera atau orang Islam bertujuan untuk mengukur prestasi kewangan dan fasiliti hospital swasta yang patuh syariah. Berdasarkan kajian, mereka menyatakan bahawa setelah hampir 10 tahun industri pelancongan kesihatan dilancarkan di Malaysia, penyertaan Bumiputera atau orang Islam adalah minimum dan kemudahan hospital patuh syariah agak jauh terkebelakang berbanding hospital swasta yang lain. Selain itu, industri pelancongan kesihatan adalah satu industri yang mempunyai potensi besar dalam menyumbang pendapatan kepada negara.

Penekanan mengenai patuh syariah bukan sahaja dilaksanakan dalam sistem kewangan dan perbankan Islam, malah turut dititikberatkan dalam pasaran saham. Di Malaysia, sejarah berkaitan saham patuh syariah bermula dari tahun 1996, di mana RHB Unit Trust Management Bhd. memperkenalkan Indeks Syariah yang pertama pada Mei 1996. Sekuriti lulus syariah pula telah diperkenalkan oleh Bursa Malaysia pada 17 April 1999. Pada tahun 2001, Bursa Saham Malaysia telah melancarkan *FTSE Bursa Malaysia Emas Indeks Syariah* manakala *FTSE Bursa Malaysia Hijrah Syariah Index* pula dilancarkan pada tahun 2007 untuk memenuhi keperluan pelabur. Bursa Saham Malaysia juga telah menguatkuasakan kesemua kaunter lulus syariah yang perlu menjalani proses penapisan melalui Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

Industri makanan dan perkhidmatan juga diambil berat segi pematuhan syariah di Malaysia mahupun di luar negara. Di Malaysia, bagi memastikan makanan dan premis operasi adalah patuh syariah, pengusaha atau pemilik boleh memohon pensijilan halal dari Jabatan Kemajuan Agama Islam (JAKIM) ataupun Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Pensijilan Halal Malaysia telah bermula dari tahun 1994 dan dikawal selia oleh JAKIM. *Prosedur Pensijilan Halal Malaysia* telah dibangunkan oleh JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri.

Inisiatif mengukur kesungguhan dalam melaksanakan pembangunan multi dimensi mengikut kerangka Maqasid Syariah memerlukan tekad yang tinggi, fikrah yang jelas dan betul, serta strategi yang menepati acuan Syariah Islam. Asas ini menjadi matlamat utama memperkasakan usaha dan peranan semua pihak yang berkepentingan supaya umat Islam menjadi umat mithali kepada umat manusia serta menjamin rakyat menikmati kehidupan yang sejahtera di dunia dan di akhirat.

Indeks Syariah Malaysia adalah satu inisiatif penting dengan meletakkan sebuah batu asas pengukuran kepada pelaksanaan syariah di Malaysia khususnya, dan negara-negara Islam amnya. Dengan pemakaian Indeks Syariah ini, Malaysia menunjukkan kesungguhan dalam menerima pakai pendekatan bersepadau dan holistik kepada pembangunan mengikut kerangka Islam.

## **MAQASID SYARIAH SEBAGAI ASAS UKURAN INDEKS SYARIAH MALAYSIA**

### **Syariah Dalam Kehidupan Ummah**

Syariah dan pelaksanaannya memainkan peranan yang penting kepada seluruh umat Islam. Inti pati pandangan ini tidak berdasarkan kepada aspek hukuman tetapi lebih menekankan kepada matlamat asas syariah (Maqasid Syariah) untuk melindungi masyarakat demi menjaga kemaslahatan umat Islam. Malangnya, konsep ini sering ditohmahkan bagi maksud menyelewengkan matlamat asal. Sejarah telah membuktikan konsep dan pelaksanaan syariah telah melalui pelbagai cabaran terutama bagi negara-negara Islam era pasca-kolonial.

Antara dua (2) cabaran utama yang dihadapi oleh umat Islam kini adalah:

- i. Untuk membuktikan syariah sebagai rangka kerja yang komprehensif yang menggabungkan aspek moral dan undang-undang yang berfungsi kepada semua umat manusia untuk menegakkan keadilan.
- ii. Untuk merangka mekanisme yang akan memudahkan pengukuran pelaksanaan syariah dalam semua aspek kehidupan.

Cabaran-cabaran ini adalah berpuncu dari salah faham mengenai Syariah Islam kerana pemahaman cetek segelintir masyarakat yang memberi tafsiran yang sangat terhad dan menekankan pada aspek hukuman sahaja. Umat Islam sangat beruntung kerana dipandu oleh penulisan para ulama terdahulu yang banyak menulis dan membuat banyak penjelasan dan kupasan tentang makna syariah yang betul sama ada di dalam kitab-kitab klasik mahupun disokong oleh para ulama moden. Penulisan-penulisan para ulama terdahulu termasuk yang kontemporari jelas menunjukkan syariah mencakupi aspek yang lebih luas dari kerangka sistem perundangan sahaja.

Perkembangan agama yang berlaku dari zaman Al-Ghazali sehingga kepada Ibn Taymiyyah memberi kesan pada falsafah perundangan Islam. Sejarah awal teori perundangan Islam jelas menunjukkan bahawa usaha-usaha yang jitu ke arah menubuh dan menghuraikan mekanisme untuk mewujudkan undang-undang tertentu yang bersumberkan daripada Al-Quran dan As-Sunnah. Usul Al-Fiqh telah dikenal pasti sebagai mekanisme ini.

Barisan para ulama dan tokoh-tokoh pemikir Islam dari abad ke-8 hingga ke-14 dan kemudiannya dari abad ke-12 hingga ke-18 berusaha mencari asas mengikut perspektif rasional, moral dan spiritual kepada sistem perundangan Islam. Abu Ishaq Al-Shatibi memberi perumpamaan konsep falsafah perundangan sebagai *“penyebatan roh ke dalam tubuh yang mati dan pengisian sebenar ke dalam kerangka luar (undang-undang)”*. Syariah itu sendiri menurut Al-Shatibi adalah terdiri daripada kedua-dua *‘perbuatan hati’* dan juga *‘amalan secara terang-terangan’*. Sesungguhnya ia adalah kehendak Allah SWT kepada manusia, sesuatu yang imperatif yang bersifat moral. Syariah itu sebenarnya bukan hanya sekadar kanun atau enakmen tertentu tetapi lebih kepada memenuhi matlamat yang baik (Al-Shatibi, 2004).

Ibn Taymiyyah pula menjuruskan cabaran besar falsafah perundangan ini kepada usaha bagaimana membuktikan kewajipan moral itu mempunyai perkaitan dengan Kebesaran Ilahi (Shah Wali Allah, 1322 AH). Beliau juga beranggapan bahawa syariah adalah lebih daripada undang-undang dan menekankan bahawa ianya adalah panduan serta asas-asas dalam membentuk nilai-nilai, norma-norma dan garis panduan umum bagi memastikan kesejahteraan manusia.

Para ulama silam yang terkemuka banyak mendapat manfaat daripada teori Al-Ghazali termasuklah Ibn 'Ashur, Al-Shatibi dan Abu Zahrah. Contohnya, Al-Shatibi memperluaskan pemakaian tiga tahap maslahah Al-Ghazali yang dianggapnya sebagai konsep yang bersifat *universal* dan klasifikasi mereka sebagai muktamad atau *qat'i* (Nyazee, 1994). Abu Zahrah (1967) juga telah mengembangkan teori Al-Ghazali untuk memasukkan unsur keadilan dan pendidikan.

Berdasarkan perbincangan di atas, Maqasid Syariah menyediakan rangka kerja yang menyeluruh yang boleh digunakan untuk mengukur pembangunan. Rangka kerja ini diwakili oleh tiga tahap maslahah dan lima nilai *universal* atau elemen-elemen penting (*Al-Daruriyat Al-Khams*).

### Kepentingan Maqasid Syariah

Allah SWT telah menurunkan Al-Quran sebagai petunjuk dan rujukan bagi orang-orang yang beriman bukan sahaja kepada individu dan masyarakat tertentu, tetapi kepada umat manusia keseluruhannya yang mencakupi sehingga kepada pemerintahan sesebuah negara. Sesungguhnya kemantapan, kemakmuran, kesejahteraan dan kekuatan sesebuah negara dan rakyatnya bergantung pada sejauh mana mereka mengikuti serta mematuhi garis panduan yang disediakan oleh Al-Quran dan As-Sunnah yang dibawa oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Allah SWT menjelaskan di dalam Al-Quran bahawa perutusan Nabi Muhammad SAW adalah untuk membawa kebaikan dan rahmat bagi sekalian alam. Firman Allah SWT di dalam surah Al-Anbiyaa', Ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: “*Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam*”.


(Surah Al-Anbiyaa', 21 : 107)

Maqasid Syariah telah dibincangkan oleh para fuqaha bagi menggambarkan bahawa Islam yang diturunkan oleh Allah SWT adalah untuk memberi kebaikan dan kemaslahatan kepada umat manusia. Al-Syatibi misalnya, menjelaskan ayat di atas bagi menguatkan hujahnya bahawa rahmat adalah cerminan pada meraih kebaikan (*maslahah*) dan menghindari keburukan (*mafsadah*) di sebalik tujuan misi kerasulan Nabi Muhammad SAW ke dunia<sup>1</sup>.

<sup>1</sup> As-Syatibi, *Al-Muwafaqat fi Ushul Al-Syari'ah*, Cairo, Mustafa Muhammad

Al-Quran telah diakui sebagai sebuah kitab yang lengkap dan sempurna. Kandungannya terdiri daripada pelbagai disiplin ilmu yang merangkumi hukum dan peraturan hidup untuk manusia dalam segala aspek kehidupan. Setiap perundangan hukum dalam Syariah Islamiah adalah bertujuan untuk melindungi atau memelihara kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta umat manusia. Hal ini bertepatan dengan fitrah Islam yang merupakan agama yang syumul (sempurna). Setiap garis panduan yang telah ditetapkan dalam Islam adalah bersesuaian mengikut tempat, bangsa dan zaman. Sebagaimana firman Allah SWT:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَنَقَّبْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ



Maksudnya: “*Pada kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad SAW dan utuskan engkau) menjalankan satu jalan yang cukup lengkap dan hukum-hukum agama; maka turutlah akan jalan itu dan jangan engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar)*”.

(Surah Al-Jaathiyah, 45 : 18)

Allah SWT telah menyediakan peraturan dan perundangan hidup yang diturunkan melalui Nabi Muhammad SAW yang dinamakan Syariah Islam untuk kesejahteraan dan keharmonian hidup manusia. Ia mengandungi perintah-perintah berbentuk fardhu dan sunat serta larangan-larangan berbentuk haram dan makruh. Ia juga mengandungi perkara-perkara yang sah dan batal, halal dan haram, yang mana boleh dan yang mana tidak boleh, dan sebagainya. Seluruh peraturan dan undang-undang itu pula menyuluh kehidupan manusia dalam setiap sama ada yang menyentuh peribadi, rumahtangga, masyarakat, ekonomi, pendidikan, siyasah hinggaalah kepada persoalan negara dan hubungan antarabangsa.

Syariah Islam adalah garis panduan hidup yang integral atau menyeluruh dan sempurna bagi seluruh permasalahan hidup manusia sama ada secara individu, masyarakat sehingga kepada pentadbiran sesebuah negara. Islam telah menyediakan manhaj yang sempurna dengan menyusun kehidupan manusia dengan begitu teratur sekali. Manhaj itulah diguna pakai untuk mengatur kehidupan sosial dan memandu perjalanan hidup manusia sesuai dengan perintah dan larangan Allah SWT. Islam menjaga kehidupan seseorang insan melalui Siyasah Syar'iyyah yang memfokuskan pada sistem dan peraturan yang diperlukan dalam cabang pentadbiran negara agar selaras dengan prinsip-prinsip Islam. Prinsip tersebut ialah mencapai segala kepentingan (manfaat) orang ramai dan keperluan mereka serta menangkis atau menghalang segala bentuk kerosakan (*mafsadah* atau *mudharat*).

Objektif Siyasah Syar'iyyah adalah menjadikan hal ehwal umat Islam ditadbir oleh sistem yang bersumberkan Islam di samping membuktikan Islam bersifat dinamik dan komprehensif serta mampu menjalankan sebuah pentadbiran yang meraikan serta merealisasikan manfaat orang ramai di pelbagai zaman dan tempat. Ia selari dengan objektif syarak iaitu mencapai segala kemaslahatan untuk umat manusia. Penetapan syariah dalam Islam akan memberikan kebaikan kepada seluruh manusia dan mengelakkan sebarang kerosakan daripada menimpa mereka.

Dalam konteks ini, tujuan utama syariah tidak boleh dipandang ringan atau tidak diberikan perhatian sewajarnya kerana matlamatnya sangat objektif dan praktikal bagi menjamin kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta umat manusia.

Prinsip Maqasid Syariah adalah kunci utama bagi membantu melancarkan tadbir urus sesebuah kerajaan melalui peranan pembentukan individu sehingga kepada sebuah negara yang sempurna. Mengikut kupasan para fuqaha Islam, kepentingan manusia dan masyarakat yang dijamin oleh Syariah Islam didorong oleh empat inti pati yang utama seperti dalam Rajah 1.1:<sup>2</sup>

<sup>2</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail, Idris Awang (2006), *Pendekatan Baru Maqasid Al-Shariah Dalam Pengajaran Syari'ah di Malaysia: Satu Analisis*, Jurnal Fiqh, 3.

Rajah 1.1 : Inti pati Syariah Islam



Al-Ghazali telah memurnikan teori Al-Juwaini tentang Maqasid Syariah, dan telah mengategorikannya kepada tiga (3) maslahah iaitu keperluan *daruriyyah*, keperluan *hajiyyah* dan keperluan *tahsiniyyah*.



Menurut Al-Ghazali, keperluan *daruriyyah* adalah unsur-unsur yang tanpanya sistem negara akan mengalami kekacauan. Keperluan *hajiyyah* pula adalah unsur-unsur yang memudahkan kehidupan manusia. Sementara itu, keperluan *tahsiniyyah* adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan maruah, adab, tingkah laku, moral dan etika yang membawa kepada kesempurnaan hidup. Beliau seterusnya menapis keperluan tersebut ke dalam pemeliharaan lima (5) unsur penting (*Al-Dharuriyat Al-Khams*) iaitu agama (*Ad-Din*), nyawa (*An-Nafs*), akal (*Al-'Aql*), keturunan (*An-Nasl*) dan harta (*Al-Mal*). Kelima-lima elemen penting diberi keutamaan.

1. *Daruriyyah* - maslahah asas yang melibatkan pemeliharaan lima (5) perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kesemua kepentingan ini dapat dianggap sebagai keperluan asasi yang tidak dapat tidak, amat diperlukan oleh setiap manusia melalui kehidupan bermasyarakat. Seandainya salah satu daripada keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia sudah tiada erti lagi. Sebarang perkara dan tindakan yang mencabul kelima-lima perkara ini akan dianggap sebagai *mafsadah* (merosakkan).
2. *Hajiyyah* - maslahah yang diperlukan yang melibatkan keperluan oleh manusia untuk mewujudkan kemudahan dan kelapangan dalam menjalankan tugas dalam kehidupan dan pada masa yang sama menghindarkan kesusahan serta kesukaran. Walaupun ia tidak sampai ke tahap keperluan asasi yang boleh menyebabkan kebinasaan hidup manusia, tetapi ia diperlukan bagi mengelakkan kesusahan hidup di dalam masyarakat. Ketiadaan maslahah ini tidak akan menjejaskan kehidupan tetapi akan menyebabkan sedikit kesulitan.
3. *Tahsiniyyah* - maslahah yang diperlukan sebagai kesempurnaan untuk menjaga kehormatan hidup manusia yang melibatkan kemuliaan akhlak dan adat yang baik serta meninggalkan keadaan yang buruk menurut akal yang waras. Semua itu diperlukan bagi menjamin kelancaran hidup manusia dalam masyarakat. Ketiadaannya tidak memberi implikasi besar terhadap kehidupan manusia.

Kesejahteraan dan kebahagiaan seseorang individu dan masyarakat akan terjamin seandainya ketiga-tiga maslahah ini dapat dipenuhi dengan cara yang seimbang. Penetapan konsep maslahah ini dalam hidup bermasyarakat secara terang-terangan telah mendahului konsep penjagaan hak asasi manusia yang hanya timbul di dunia Barat dalam konteks zaman moden ini, akibat daripada kesedaran manusia terhadap kemasuhan yang berlaku kerana Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua.

Syariah Islam memelihara lima (5) tunjang yang menjadi pokok dan asas utama dalam memelihara keamanan dan kesejahteraan seluruh umat manusia yang dikenali sebagai Maqasid Syariah. Teras Maqasid Syariah sangat penting dalam penerapannya sebagai model strategik bagi pentadbiran negara ke arah negara maju dan harmoni. Ia juga adalah prinsip asas yang menjadi keperluan *fundamental* kepada pengukuhan sistem pengurusan kewangan dan ekonomi negara, pendidikan serta politik di samping pemantapan pengurusan masyarakat majmuk di Malaysia secara menyeluruh. Begitu juga ia berperanan sebagai teras terpenting dalam pemerkasaan institusi perlembagaan serta perundungan negara berlandaskan prinsip Maqasid Syariah yang berpaksikan ketelusan, kebertanggungjawaban dan tadbir urus yang baik.

Menurut pandangan Al-Syatibi, matlamat utama Syariah Islam merangkumi lima (5) komponen Maqasid Syariah yang sangat mustahak iaitu *hifz ad-din* (agama), *hifz an-nafs* (nyawa), *hifz al-'aql* (akal), *hifz an-nasl* (keturunan) dan *hifz al-mal* (harta), iaitu setiap perundungan hukum itu mestilah bertujuan melindungi atau memelihara kepentingan akal, agama, harta, nyawa dan nasab atau keturunan umat manusia<sup>3</sup>.

### Asas-Asas Utama Maqasid Syariah

Para ulama Islam telah menggariskan lima (5) kepentingan yang wajib dijaga oleh pemerintah agar umat Islam mampu bertahan menghadapi segala cabaran. Kepentingan tersebut adalah mengikut keutamaan dalam Maqasid Syariah:

i. ***Hifz ad-din* (Pemeliharaan agama)**

Ibn Ashur mendefinisikan *hifz ad-din* sebagai menyelamatkan iman setiap individu Islam daripada terlibat dengan apa-apa yang mungkin melemah dan mengelirukan terhadap kepercayaannya dan memutarbelitkan tingkah lakunya. Bagi masyarakat secara keseluruhannya, memelihara *ad-din* bermakna untuk mengelakkan apa-apa yang

<sup>3</sup> As-Syatibi, *Al-Muwafaqat fi Ushul Al-Syari'ah*, Cairo, Mustafa Muhammad

mungkin melanggar dan memusnahkan asas-asas, yang termasuk mempertahankan negara dan kedaulatan Islam dan memelihara cara-cara pembelajaran dan pendidikan Islam di kalangan generasi masa kini dan masa depan masyarakat Islam (Ibn Ashur, 1998).

Sarjana Islam kontemporari telah mengembangkan dimensi memelihara Maqasid Syariah. Sebagai contoh, Attia menggunakan komponen Maqasid yang berbeza walaupun mengenal pasti cara yang sama memelihara aspek tersebut di tiga (3) peringkat, iaitu *daruriyyah*, *hajiiyyah* dan *tahsiniyyah*. Oleh itu, beliau membincangkan pemeliharaan *ad-din* dari tiga (3) aspek: individu, keluarga dan umat. Bagi individu, beliau menggunakan istilah “*al-tadayyun*” iaitu takwa, yang boleh dikenalkan melalui usaha individu dalam menggalakkan ketakwaan agama dalam diri seseorang. Beliau mencadangkan bahawa empat (4) cara (dimensi) pada peringkat *daruriyyah* yang digunakan untuk memelihara *ad-din* pada individu: menguatkan akidah, perlaksanaan ibadat yang wajib, merangkumi akhlak yang baik dan melakukan perbuatan-perbuatan yang menunjukkan ketaatan. *Al-tadayyun* dari aspek keluarga pula bermakna pemeliharaan ketakwaan dalam keluarga, yang dicapai pada tahap *hajiiyyah*, sebagai contoh membuat pilihan yang baik daripada calon-calon yang ada untuk perkahwinan. Bagi aspek umat pula, Attia mendefinisikan *ad-din* sebagai “pemeliharaan agama dan akhlak”, yang boleh dikenalkan melalui dua cara di tahap *daruriyyah* (sebagai contoh solat berjemaah) dan dua cara di peringkat *hajiiyyah* pula adalah menegakkan nilai-nilai moral dan menyekat penularan rasuah.

Sebagai pemerintah, menjadi kewajipan untuk meletakkan kepentingan agama di tempat yang teratas. Pemeliharaan akidah umat Islam adalah perkara utama yang patut diberi perhatian agar ketaatan dan ketakwaan kepada Allah SWT dan RasulNya menjadi keutamaan, serta ketaatan kepada pemimpin turut dititikberatkan sepertimana dalam firman Allah SWT:

يَتَأْمُنُ الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطْبَعُوا اللَّهَ وَأَطْبَعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَمْرٌ مُنْكَرٌ  
فَإِنْ تَتَنَزَّلْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُوْهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya : "Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Qur'an) dan (As-Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya".

(Surah An-Nisaa', 4 : 59)

ii. **Hifz an-nafs (Pemeliharaan nyawa)**

Terdapat beberapa tafsiran *hifz an-nafs* sebagaimana yang diperuntukkan oleh ulama. Al-Juwaini dan Al-Ghazali dalam Al-Raysuni (2006), misalnya, mentakrifkan *hifz al-nafs* sebagai pemeliharaan kehidupan manusia melalui undang-undang hukuman (jika berlaku pembunuhan). Dalam usaha untuk menerangkan *hifz an-nafs*, Al-Shatibi dalam Al-Raysuni (2006) menjelaskan bahawa pemeliharaan hidup boleh dicapai dengan tiga (3) cara iaitu mewujudkan asas kekeluargaan melalui perkahwinan yang sah, memastikan kelangsungan hidup melalui makanan dan minuman yang halal dan suci dan menyediakan pakaian dan tempat.

Menggunakan pandangan para ulama terdahulu dengan konteks yang lebih kontemporari, Chapra (2008) menyatakan bahawa *hifz an-nafs* melibatkan pencapaian iaitu maruah, persaudaraan dan kesaksamaan sosial, keadilan, peningkatan rohani dan moral, keselamatan hidup, harta dan kehormatan, kebebasan, pendidikan, pemerintahan yang baik, mengurangkan kadar kemiskinan dan memenuhi keperluan pekerjaan

dan peluang bekerja sendiri, pengagihan saksama pendapatan dankekayaan, perkahwinan dan kehidupan keluarga yang stabil, keluarga dan perpaduan sosial dan pengurangan jumlah jenayah serta keamanan dan kestabilan mental. Islam mengharamkan pertumpahan darah dengan jalan yang tidak benar. Apabila nyawa tidak terpelihara maka negara akan menghadapi kemusnahan, manakala ketenteraman dan keamanan pula akan hilang. Hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Seseorang Islam itu ialah yang menyelamatkan kaum Muslimin melalui lidah (bicara) dan tangannya (kuasa dan perlakuan), dan orang yang beriman pula ialah orang yang dipercayai oleh orang lain dalam menjamin nyawa dan harta benda mereka”.*

(HR Riwayat At-Tirmidzi)

### iii. **Hifz al-'aql (Pemeliharaan akal)**

Pemeliharaan akal telah ditakrifkan oleh ulama Islam bermula dari Al-Juwaini sehingga masa kontemporari dalam pelbagai cara. Walau bagaimanapun, kesemua mereka bersetuju mengenai elemen-elemen tertentu berkaitan dengan takrif dan pengertian pemeliharaan akal. Chapra (2008) merujuk kepada Imam Al-Ghazali yang menyatakan bahawa akal adalah mata air sungai, dan ia merupakan titik permulaan dan asas kepada ilmu. Imam Al-Ghazali juga percaya bahawa larangan meminum arak oleh syariah adalah bukti pada keperluan untuk melindungi intelek. Al-Shatibi, sebagai contoh, mentakrifkan pemeliharaan akal termasuk mengelakkannya daripada apa-apa yang akan merosakkan.

Menurut Ibn Ashur, pemeliharaan akal ertiinya memberi perlindungan kepada akal manusia dari apa-apa yang akan merosakkan. Beliau juga menghuraikan tentang takrifan ini dengan mengatakan bahawa gangguan kepada akal akan membawa pada kerosakan yang lebih besar kepada masyarakat. Oleh itu, apa-apa kecacatan yang memberi kesan kepada minda seseorang individu membawa kepada rasuah

sebahagian daripada masyarakat, manakala kecacatan yang mempengaruhi minda seluruh masyarakat akan membawa kepada jumlah rasuah yang amat buruk dan jahat. Chapra (2008) bersetuju dengan pandangan ini dan beliau menambah dengan memberi penekanan pada iman yang menyediakan hala tuju yang benar kepada akal, kerana akal yang tidak dipandu dengan iman boleh menyebabkan lebih banyak penipuan. Pada masa yang sama, iman memerlukan perkhidmatan akal untuk mengekalkan dinamika untuk bertindak balas terhadap perubahan persekitaran sosioekonomi dan intelektual. Akal wajib dipelihara dan dipupuk dengan nilai-nilai mulia dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat. Semua unsur-unsur yang menjurus pada kehilangan dan merosakkan akal serta pemikiran seperti arak, dadah serta filem yang merosakkan, sudah semestinya dibanteras dan dihalang dengan segera.

iv. ***Hifz an-nasl* (Pemeliharaan keturunan)**

Konsep *hifz an-nasl* melibatkan perlindungan dan pemeliharaan keturunan. Ia adalah penting dalam Islam untuk membentuk masyarakat Islam yang sihat, produktif dan berkesan (Chapra, 2008). Selain itu, keinginan untuk mempunyai anak adalah naluri manusia yang sangat kuat. Perkara ini diakui oleh Al-Quran, di mana Allah SWT menyatakan bahawa kekayaan dan keturunan adalah perhiasan dunia ini (Fadel, 2002). Dalam sebuah hadith, Rasulullah SAW menyeru umat untuk berkahwin dan mempunyai anak, dan dia akan berbangga dengannya di akhirat. Dalam Islam, *nasl* dipelihara oleh perkahwinan yang sah.

*Hifz an-nasl* mengambil pelbagai dimensi bergantung pada aspek tertentu kehidupan manusia. Secara umumnya, undang-undang moral yang ketat dan larangan zina adalah sebahagian daripada aspek kepada pemeliharaan keturunan. Islam tidak hanya mengharamkan zina, tetapi ia juga menggalakkan perkahwinan. Dengan itu, *hifz an-nasl* dipastikan melalui perkahwinan yang sah dan kelahiran anak dalam perkahwinan tersebut. Dalam Islam, keluarga diatur oleh kaedah-kaedah dan

peraturan-peraturan tertentu. Kontrak perkahwinan mempunyai implikasi undang-undang terutama dalam aspek memenuhi hak dan tanggungjawab bersama suami dan isteri berhubung dengan satu sama lain dan kepada anak-anak mereka. Di bawah payung pelindung inilah anak-anak dilahirkan. Dalam Islam, hak kesihihan adalah hak asasi, dan setiap orang mempunyai hak untuk menjadi anak sah taraf ibu (Fadel, 2002).

Tujuan utama perkahwinan adalah untuk memelihara keturunan dan kelangsungan manusia. Tujuan lain termasuk juga semua faedah di mana lelaki dan wanita mendapat hasil, implikasi daripada perkahwinan tersebut seperti faedah emosi, seksual atau materialistik, iaitu cabang-cabang kepada matlamat pokok perkahwinan. Walaupun *nasl* (keturunan) boleh juga dicapai di luar perkahwinan yang sah, tetapi apa-apa faedah yang didapat daripada perkahwinan yang tidak sah ini ditolak oleh Islam kerana ia akan menyebabkan ketidaktentuan tentang status anak itu. Ia juga akan menjejaskan hak-hak asasi mereka. Oleh itu, hak asasi kanak-kanak dalam Islam di pelbagai peringkat kehidupan mereka, dari perkahwinan yang sah sehingga ke tahap tertentu dalam kehidupan mereka, adalah bertujuan untuk memastikan perlindungan keturunan umat Islam. Hak-hak ini termasuk antara lain memilih ibu yang baik untuk mereka, memberi makan, tempat tinggal, pendidikan, asuhan yang betul dan penjagaan kesihatan.

Keturunan wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat Islam. Apabila keturunan telah rosak dengan sebab menyalahi syariah dan tabi'ie manusia seperti penzinaan, liwat, *lesbian*, *gay*, dwiseksual dan sebagainya, maka struktur sosial akan menjadi kacau bilau dan akhirnya akan runtuh jalur keturunan yang suci serta merosakkan maruah agama, bangsa dan negara.

v. ***Hifz al-mal* (Pemeliharaan harta)**

Menurut Ibn Ashur untuk *hifz al-mal* (2006), memelihara harta bermakna melindungikekayaan masyarakat daripada kehancuran dan

dari peralihan harta ke tangan orang lain dengan cara yang tidak sah. Al-Juwaini dan Al-Ghazali dalam Al-Raysuni (2006) menerangkan pemeliharaan ini sebagai perlindungan kepada harta benda rakyat, manakala Al-Shatibi dalam Al-Raysuni (2006) pula menyatakan bahawa ia adalah larangan terhadap ketidakadilan, menafikan hak anak-anak yatim terhadap harta mereka, pembaziran, iri hati, serta memberikan sukatan dan timbangan yang tidak betul.

Chapra (2008) menekankan pentingnya menggalakkan pengagihan pendapatan yang adil dankekayaan dalam pembangunan dan pengembangankekayaan. Beliau memberi cadangan berikut bagi mencapai tujuan ini, iaitu kaedah pengagihan zakat, sedekah dan wakaf. Pembangunan ekonomi ini boleh dilakukan melalui: pengukuhansumber manusia - pendidikan, kemajuan teknologi, etika kerja, dan lain-lain, menggubal dasar-dasar kewangan dan fiskal yang betul untuk mempercepatkan pembangunan, akses kepada modal melalui pembiayaan mikro kepada golongan miskin, serta memberi pekerjaan dan peluang untuk bekerja sendiri. Beliau juga menyatakan bahawa pembangunan dan pengembangankekayaan boleh dicapai melalui, pendidikan, penyelidikan dan peningkatan dalam teknologi dan pengurusan, keselamatan hidup, harta dan kehormatan, tadbir urus yang baik, kebebasan perusahaan dan peluang bekerja sendiri.

Dalam menjaga harta, Islam telah menggariskan prinsipnya iaitu *al-adl wal ihsan*. Pendekatan Islam amat menitikberat soal keadilan dengan mengharamkan segala bentuk penindasan, amalan riba, penipuan, rasuah, monopoli yang tidak seimbang, cetak rompak, menipu hak intelek, manipulasi pasaran dan segala bentuk penyelewengan atau perkara-perkara yang menzalimi dan merugikan pihak lain.

## PEMBANGUNAN INDEKS SYARIAH MALAYSIA

Sempena *Majlis Perdana Ulama'~Umara'* dan *Anugerah Masjid Malaysia 2014* di Putrajaya pada 28 Ogos 2014, Malaysia telah melakarkan satu dimensi baru berkaitan Indeks Syariah Malaysia yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini. YAB Perdana Menteri telah mencetuskan idea penubuhan Indeks Syariah Malaysia dan pastinya gagasan tersebut mampu membuka mata pemimpin dunia Islam dari segi misi pelaksanaannya, khususnya bagi melihat tahap pematuhan sesebuah negara yang merangkumi keseluruhan aspek perundangan syariah.

Atas dasar inilah, melalui terbinanya Indeks Syariah Malaysia, ia akan menilai dan mengukur tahap keseriusan pemerintah dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab mengikut landasan Syariah Islam di samping mengukur sejauh mana komitmen negara dalam pelaksanaannya berdasarkan matlamat Maqasid Syariah. Ia juga kelak akan menjadi penanda aras dengan meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang akan dijadikan rujukan, panduan dan ikutan oleh negara-negara Islam yang lain.

Justeru, pengukuran Indeks Syariah Malaysia berdasarkan pada lapan (8) bidang utama dan dalam kerangka kehendak Maqasid Syariah memperkuatkan lagi usaha dan komitmen Kerajaan dalam memenuhi kemaslahatan hidup rakyat Malaysia.

Bidang-bidang utama yang dijadikan ukuran pematuhan Indeks Syariah Malaysia adalah:

- |                      |                                 |
|----------------------|---------------------------------|
| i. Perundangan Islam | v. Kesihatan                    |
| ii. Politik          | vi. Budaya                      |
| iii. Ekonomi         | vii. Prasarana dan persekitaran |
| iv. Pendidikan       | viii. Sosial                    |

Pengukuran terhadap lapan (8) bidang utama berkenaan menjadi agenda penting untuk diukur bagi melihat tahap sebenar pematuhan pemerintah dalam mematuhi prinsip syariah melalui pelaksanaannya di Malaysia. Pematuhan Indeks Syariah Malaysia bukan hanya tertumpu pada aspek ekonomi sahaja, yang mana sebelum ini lebih sinonim dengan indeks kewangan Islam, tetapi konsep pematuhan Indeks Syariah Malaysia akan dilihat pada skop yang lebih luas, mencakupi bidang-bidang yang telah dinyatakan di atas. Pengukuran yang dibuat akan melihat sejauh mana tuntutan syariah dilaksanakan secara holistik dalam pemerintahan negara.

Berdasarkan pengukuran ke atas lapan (8) bidang utama dengan melihat satu per satu bidang tersebut, adakah ia meliputi lima perkara pokok dalam Maqasid Syariah yang menjurus pada menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta? Dalam konteks ini, perkara penting dalam proses pengukuran Indeks Syariah melibatkan tiga (3) kelompok utama iaitu:

- i. pemerintah (pembuat dasar)
- ii. agensi (pelaksana dasar)
- iii. masyarakat (penerima manfaat)

Ia dilihat secara umumnya merangkumi pewakilan setiap kedudukan dalam masyarakat termasuklah pemimpin. Penjelasannya adalah seperti berikut:

**i. Pemerintah**

Pengukuran dilakukan dengan melihat sejauh mana undang-undang, dasar dan polisi yang dirangka serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang diatur mematuhi dan bertepatan dengan syariah Islam serta memenuhi kemaslahatan yang menepati lima prinsip Maqasid Syariah, dengan menyediakan keperluan asas yang mencukupi dalam segala aspek kehidupan demi kepentingan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, etnik dan kepercayaan.

**ii. Agensi Pelaksana**

Pengukuran dilakukan dengan melihat sejauh mana undang-undang, dasar-dasar dan polisi-polisi yang dirangka serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang diatur, mampu direalisasikan dan dilaksanakan dengan jayanya berdasarkan kepentingan lima (5) prinsip Maqasid Syariah, di samping melihat tahap keserasian dan kesesuaian terhadap sesuatu dasar, polisi, program dan aktiviti yang diadakan mampu memberi impak terhadap keperluan masyarakat.

**iii. Masyarakat**

Pengukuran dilakukan dengan membuat penilaian dan persepsi masyarakat terhadap undang-undang, dasar-dasar dan polisi-polisi yang dilaksanakan serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan, mampu menjamin kesejahteraan hidup, keharmonian dan ketenteraman dalam kehidupan sama ada secara individu maupun kolektif berdasarkan kepentingan lima (5) prinsip Maqasid Syariah.

Pengukuran terhadap ketiga-tiga kelompok utama melalui Indeks Syariah dijangka akan mampu memberi gambaran dan kedudukan Malaysia iaitu, sejauh mana tahap pematuhan negara terhadap pelaksanaan Syariah Islam, di samping membuka peluang dan ruang kepada penambahbaikan bagi ketiga-tiga kelompok utama berkenaan yang terdiri daripada pemerintah, agensi pelaksana dan rakyat. Ia dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak yang berwajib bagi melakarkan hala tuju terbaik buat negara melalui pendekatan wasatiyyah agar sentiasa berada di atas landasan Syariah Islam.

Menerusi inisiatif mewujudkan pengukuran Indeks Syariah, tahap pematuhan terhadap pelaksanaan syariah di Malaysia dapat diukur buat pertama kalinya agar dijadikan panduan dan titik permulaan bahawa Malaysia berada di atas landasan yang tepat, di samping terus meningkatkan tahap penerapan dan pelaksanaan Syariah Islam bagi mencapai matlamat sebenar Maqasid Syariah.

Pembinaan Indeks Syariah Malaysia adalah satu usaha bertahap perintis dan ke hadapan oleh Kerajaan bagi memperkuatkan komitmen memajukan Malaysia berdasarkan model atau acuan yang digubal oleh negara kita sendiri. Ia juga secara tidak langsung menilai tahap keseriusan Malaysia dalam melindungi, menyubur dan memantapkan prinsip serta nilai Islam melalui strategi yang pragmatik dan progresif berasaskan pada Islam sebagai Agama Persekutuan. Justeru, pembinaan Indeks Syariah Malaysia dapat membuka jalan pada usaha-usaha *tajdid* (pembaharuan), *islah* (penambahbaikan), *ihya'* (penyemarakan), *tasbit* (pengukuhan) dan *ta'wid* (pembudayaan).

### **Teras Utama Pembinaan Indeks Syariah Malaysia**

Asas-asas utama dalam membina Indeks Syariah Malaysia ini ialah:

- i. Memaju, menyubur dan memperkasakan Islam sebagai Agama Persekutuan.
- ii. Mewujudkan sebuah indikator komprehensif dan saintifik bagi menilai komitmen serta tahap keseriusan usaha dan bukannya semata-mata tahap pencapaian dalam menterjemahkan prinsip dan nilai Islam.
- iii. Menggubal indeks untuk mengukur tahap keseriusan dalam mengimarahkan prinsip, nilai dan sistem Islam berdasarkan Maqasid Syariah dengan mencakupi komposisi sektoral yang komprehensif.
- iv. Membentuk Malaysia sebagai model sebuah negara Islam yang membangun dan progresif dengan bertunjangkan prinsip Maqasid Syariah.

### **Parameter Umum Bagi Indeks Syariah Malaysia**

Parameter umum yang menjadi teras dan faktor yang mempengaruhi

pengukuran pada bidang-bidang utama dalam memenuhi Maqasid Syariah dirumuskan sebagai hubungan fungsi pada Indeks Syariah iaitu:

$f_{IS} = (\text{sistem, pendidikan, kesungguhan politik, polisi, pemegang taruh, peruntukan perundangan, kepemimpinan, respons masyarakat, perancangan, prasarana, budaya, gaya hidup, pemenuhan keperluan asas, teknologi, pembinaan imej})$

Senarai hubungan fungsi tersebut secara langsung akan mempengaruhi nilai Indeks Syariah yang mana ukuran indeks tersebut adalah berdasarkan parameter-parameter yang telah dikategorikan mengikut lapan (8) bidang utama.

Terdapat dua (2) kaedah untuk membina Indeks Syariah iaitu:

i. **Penandaarasan**

Kaedah penandaarasan akan menunjukkan piawaian terbaik yang bersifat ideal yang mana ia perlu diikuti oleh pihak kerajaan sekiranya ingin menterjemahkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran.

ii. **Amalan terbaik**

Amalan terbaik pula memperlihatkan realiti terbaik dalam memperkuatkannya budaya organisasi berprestasi tinggi dan berinovatif melalui penyediaan persekitaran, budaya kerja serta nilai-nilai yang positif dalam pentadbiran.

Namun demikian, memandangkan pembinaan Indeks Syariah Malaysia adalah usaha rintis dalam menilai tahap pematuhan syariah, maka kaedah amalan terbaik adalah kaedah yang paling sesuai kerana belum ada mana-mana kajian penandaarasan boleh dijadikan asas perbandingan pada ketika ini.

Secara asasnya, nilai-nilai indeks yang terhasil akan dipengaruhi atau tertakluk pada parameter-parameter umum yang tersenarai yang mana indeks tersebut akan digunakan untuk mengukur prestasi pentadbiran sedia ada dan akan dijadikan asas perbandingan bagi indeks tahun-tahun berikutnya. Perinciannya adalah seperti berikut:

**i. Peruntukan Perundangan**

Perlunya peruntukan perundangan yang dapat dijadikan asas pada usaha penggiatan, pemantauan, kawalan dan pemeliharaan prinsip-prinsip Islam dalam segenap aspek kehidupan umat Islam.

**ii. Kesungguhan Politik**

Perlunya kesungguhan dan komitmen yang berterusan dan bersifat dinamik daripada kerajaan dan agensi-agensi pelaksana dalam menterjemahkan nilai-nilai Islam dalam tadbir urus *toyib* dan menjana maslahah umat sebagai agenda pembangunan holistik nasional.

**iii. Polisi**

Perlunya polisi yang jelas untuk mempasakkan penerimaan masyarakat khususnya umat Islam bahawa pembangunan negara adalah mengikut acuan prinsip dan nilai Islam dan merupakan sebahagian agenda nasional yang utama.

**iv. Perancangan**

Perlunya merangka perancangan sama ada secara berpusat mahupun bersifat khusus dengan mengambil kira faktor-faktor penguasaan ilmu, sikap, kemahiran, kuasa, tugas, strategi, risiko, jangka masa dan sumber bagi memastikan pelaksanaannya diurus secara cekap, berkesan dan memenuhi matlamat.

**v. Sistem**

Perlunya penilaian semula dan perekayasaan tahap efikasi sistem-sistem sedia ada yang berkaitan dengan pengurusan maslahah umat serta bersesuaian dengan kehendak semasa dan bersifat praktikal.

**vi. Kepemimpinan**

Perlunya usaha berterusan dalam memperkasa dan menyediakan barisan kepemimpinan kerajaan dan entiti-entitinya untuk menterjemahkan kepemimpinan mithali, menjaga keteguhan rohani, berkemahiran tinggi dan berfikrah murni agar berupaya mengemudi pentadbiran serta pengurusan yang berefikasi dan ikonik.

**vii. Pemegang Taruh**

Perlunya mempertingkatkan keupayaan mengurus pemegang taruh dengan mengambil kira profil dan aspek-aspek keutamaan mereka serta mewujudkan mekanisme dan proses bermusyawarah bagi merangka strategi yang dapat memenuhi harapan pemegang taruh.

**viii. Pendidikan**

Perlunya usaha pendedahan dan penguasaan ilmu yang holistik yang dapat menetapkan jiwa, fikrah dan akhlak tauhidik dalam diri umat Islam sehingga mampu menjadi umat yang memimpin, berilmu, berakhhlak dan berkemahiran.

**ix. Pemenuhan Keperluan Asas**

Perlunya memperkasakan usaha menyediakan keperluan asas kepada individu, keluarga dan masyarakat bagi menjamin kualiti hidup, kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kelestarian kehidupan yang sejahtera dan harmoni.

**x. Prasarana**

Perlunya pada usaha menyediakan prasarana yang mencukupi dan berkualiti untuk keperluan masyarakat seterusnya merangsang pertumbuhan sosioekonomi yang dinamik dan mampan.

**xi. Budaya**

Perlunya usaha untuk memelihara budaya masyarakat dari segi kesenian dan hiburan, pemikiran dan cara hidup yang bertepatan dengan acuan Islam dan terhindar daripada elemen-elemen menyalahi syariat, negatif dan memudaratkan.

**xii. Gaya Hidup**

Perlunya pada usaha mewujudkan masyarakat beradab dan sejahtera agar melahirkan masyarakat yang bertakwa, intelektual dan berakhhlak tinggi.

**xiii. Teknologi**

Perlunya usaha meningkatkan pengetahuan dan penguasaan dalam bidang teknologi elektronik mikro, telekomunikasi dan komputer yang berkaitan dengan penerimaan dan penyampaian maklumat di samping menggalakkan kebolehan inovasi dan kreativiti demi mempertingkatkan daya tahan dan daya saing masyarakat.

**xiv. Pembinaan Imej**

Perlunya usaha menerapkan budaya kerja cemerlang serta memberi penegasan dan penganjuran nilai-nilai murni dalam pentadbiran supaya mampu mengelakkan sebarang kecuaian agar keyakinan masyarakat terhadap kerajaan sedia ada dapat ditingkatkan.


**xv. Respons Masyarakat**

Perlunya penilaian bersifat forensik dan mendapatkan respons dari akar umbi iaitu masyarakat sebagai penerima manfaat dasar bagi menilai tahap penerimaan mereka terhadap usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan, khususnya menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran.

Berdasarkan pada hubungan fungsi Indeks Syariah berkenaan, perincian input-input bagi bidang-bidang utama dalam kerangka Maqasid Syariah serta analisis pada hasil pengiraan indeks ini akan dipengaruhi oleh sebahagian atau kesemua parameter dalam hubungan fungsi Indeks Syariah berkenaan.

**Bidang-Bidang Utama Pengukuran Indeks Syariah Malaysia**

Dalam konteks Indeks Syariah Malaysia yang dibina, terdapat lapan (8) bidang utama dikenal pasti untuk mengukur tahap komitmen dan pelaksanaan prinsip dan nilai Islam di Malaysia. Bidang-bidang tersebut adalah:

- 
- i. Perundangan Islam
  - v. Kesihatan
  - ii. Politik
  - vi. Budaya
  - iii. Ekonomi
  - vii. Prasarana dan persekitaran
  - iv. Pendidikan
  - viii. Sosial

Tahap pengukuran bagi bidang-bidang berkenaan dijuruskan dalam kerangka prinsip pemeliharaan Maqasid Syariah iaitu:

- i. agama (*ad-din*)
- iv. keturunan (*an-nasl*)
- ii. nyawa (*an-nafs*)
- v. harta (*al-mal*)
- iii. akal (*al-'aql*)

Pengukuran mengikut bidang-bidang utama tersebut dalam kerangka Maqasid Syariah mampu mencerminkan sejauh mana tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan sama ada oleh kerajaan (sebagai pembuat dasar), agensi-agensi (pelaksana dasar) serta individu dan masyarakat (penerima manfaat).

Secara umumnya, penilaian khususnya pada usaha, penglibatan dan persepsi ketiga-tiga komponen tersebut secara tidak langsung menjadi kayu ukur pada pencapaian matlamat Maqasid Syariah yang menekankan prinsip *maslahah* (manfaat umum), *al-'adl wal ihsan* (keadilan dan kebaikan), *al-islah* (transformasi berterusan) dan *al-falah* (kejayaan).

Dalam konteks ini, ia menepati tuntutan pembangunan individu, masyarakat dan negara yang seimbang dari segi fizikal (contohnya ekonomi dan prasarana) dan bukan fizikal (contohnya nilai-nilai akidah dan akhlak).

**INDEKS SYARIAH MALAYSIA:  
MODEL TADBIR URUS BERTERASKAN MAQASID SYARIAH**

Manakala input bidang utama pengukuran Indeks Syariah Malaysia adalah seperti berikut:

<b>PERUNDANGAN ISLAM</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemeliharaan kedudukan agama Islam</li><li>• Pemerkaasan peranan institusi Raja sebagai Ketua Agama Islam</li><li>• Perluasan bidang kuasa Mahkamah Syariah</li><li>• Pemeliharaan institusi perkahwinan dan kekeluargaan</li></ul>
<b>POLITIK</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penterjemahan gaya urus tadbir negara</li><li>• Pendekatan politik pembangunan yang bersifat holistik</li><li>• Pembinaan dan penampilan imej Islamik dan <i>biah solehah</i></li></ul>
<b>EKONOMI</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pegangan harta negara</li><li>• Penjaminan ekonomi</li><li>• Percukaian</li><li>• Keadilan dan kestabilan peluang ekonomi</li><li>• Penggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti ekonomi</li></ul>
<b>PENDIDIKAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemerkaasan sistem pendidikan Islam</li><li>• Pemerkaasan modal insan sebagai penggerak utama</li><li>• Pembentuk Muslim Profesional</li><li>• Penggiatan usaha menjadikan negara sebagai hab pendidikan</li><li>• Perwujudan rangkaian pemikir dan pakar</li></ul>
<b>KESIHATAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pematuhan amalan kerja patuh syariah</li><li>• Penjaminan kualiti dan keberkesan proses</li><li>• Pemberdayaan dan pengukuhan berterusan sumber struktural dan sumber manusia</li></ul>
<b>BUDAYA</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemerkaasan peranan pihak berkuasa agama bagi menegakkan prinsip patuh syariah</li><li>• Pewujudan usaha mengkekang unsur syirik dan nilai negatif dalam kesenian dan hiburan</li><li>• Pemeliharaan warisan negara</li></ul>
<b>PRASARANA &amp; PERSEKITARAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyediaan prasarana dan kemudahan lanskap</li><li>• Pemeliharaan alam sekitar</li><li>• Pengurusan bencana</li><li>• Pengukuhan kesedaran cintakan alam sekitar</li></ul>
<b>SOSIAL</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pewujudan persekitaran sosial yang kondusif</li><li>• Pemerkaasan institusi perkahwinan dan keluarga</li><li>• Pemerkaasan sistem sokongan</li><li>• Pengukuhkan jati iman dan jati diri masyarakat</li><li>• Pemeliharaan kebijakan umat</li></ul>

Memandangkan betapa pentingnya pencapaian Maqasid, maka pengukuran pencapaiannya perlu didasari oleh tingkah laku serta persepsi tiga komponen yang berkaitan dalam sesebuah negara iaitu pemerintah (pembuat dasar), agensi-agensi pelaksana (pelaksana dasar) dan masyarakat secara keseluruhannya menjurus ke arah pencapaian Maqasid. Oleh kerana maqasid “mentakrifkan tujuan individu, masyarakat, negara dan pengalaman hidup secara keseluruhannya”<sup>4</sup> ia menentukan penyertaan dalam masyarakat atau urus tadbir politik dalam usaha mencapai keadilan untuk semua. Oleh itu, sebarang perbezaan daripada ini adalah manifestasi ketidakpatuhan syariah.

Dari segi metodologinya, mengukur pematuhan perlu berdasarkan pada mengukur pematuhan dalam kalangan ketiga-tiga komponen berkenaan iaitu kerajaan, agensi-agensi dan masyarakat.

i. **Mengukur Pematuhan Pemerintah (Kerajaan) Dalam Hal-Hal Yang Penting Pada Fungsi Dan Peranannya**

Ulama Islam menyenaraikan aspek-aspek berikut sebagai fungsi kerajaan<sup>5</sup>:

1. • Memelihara keadilan
2. • Melindungi keselamatan hidup individu dan harta
3. • Memelihara undang-undang dan peraturan
4. • Mengawasi etika perniagaan
5. • Mewujudkan mekanisme pasaran yang adil
6. • Mengawal selia ekonomi
7. • Mengelakkan perkhidmatan awam
8. • Menjaga keselamatan sosial

<sup>4</sup> Maqasid “defines the cardinal purposes of individuals, societal, national and global life experiences”

<sup>5</sup> Rujuk, antara lain, Chapra (1977), Al-Mubarak (1978) and Khan ve Mirakh (1992)

Oleh kerana fungsi-fungsi adalah “berharmoni” dengan Maqasid Syariah yang pada asasnya “menjuruskan tujuan penting individu, masyarakat, negara dan pengalaman hidup global”, maka proses mengukur pematuhan sebaiknya melibatkan pembinaan senarai semak untuk tujuan mengukur sama ada undang-undang dan dasar wujud bagi memenuhi keperluan lapan (8) fungsi di atas dan sama ada dasar-dasar yang sedia ada selari dengan fungsi-fungsi ini. Ukuran pematuhan melibatkan ukuran nominal / kualitatif “YA / TIDAK” untuk tujuan mengukur sama ada sesuatu dasar, undang-undang atau polisi yang perlu wujud atau benar-benar wujud.

**ii. Mengukur Pematuhan Agensi Pelaksana (Agensi Kerajaan)**

Agensi-agensi dan jabatan kerajaan adalah pelaksana dasar dan fungsi kerajaan. Pematuhan di kalangan agensi-agensi akan memerlukan bukan sahaja, sama ada dasar (atau undang-undang) dilaksanakan atau sebaliknya, tetapi juga sama ada ia telah “dilaksanakan dengan baik” dalam kehendak semangat Maqasid Syariah. Ukuran pematuhan di sini haruslah melangkaui langkah nominal / kualitatif “YA / TIDAK” kepada langkah-langkah kuantitatif tahap keberkesanan atau kecekapan pelaksanaan<sup>6</sup>.

**iii. Mengukur Pematuhan Di Kalangan Masyarakat**

Kerajaan dan agensi-agensinya menyedia dan melaksanakan dasar-dasar yang perlu mematuhi Maqasid Syariah. Polisi ini boleh dianggap sebagai “*input*” ke dalam “projek” yang kejayaannya akan dapat dilihat dalam kesejahteraan masyarakat yang dipupuk dan dilindungi oleh pemeliharaan yang menyeluruh daripada lima (5) keperluan dalam kehidupan manusia iaitu agama (*ad-din*), jiwa / kehidupan (*an-nafs*), akal (*al-aql*), keturunan (*an-nasl*) dankekayaan (*al-mal*). Melanjutkan hujah ini, seseorang itu perlu melihat bahawa natijah daripada “*input*” daripada pemerintah adalah “*output*” yang boleh diukur berkaitan dengan kesejahteraan masyarakat. Tanggapan kesejahteraan masyarakat

<sup>6</sup> Ini boleh dalam bentuk penilaian kuantitatif daripada pihak-pihak awam atau yang lain tentang keberkesanan sesuatu pelaksanaan dasar oleh agensi kerajaan.

boleh diukur dalam pelbagai bentuk seperti yang ditunjukkan dalam banyak kajian kualiti hidup<sup>7</sup>. Pematuhan dalam pengertian ini dapat dijadikan kayu ukur sama ada kualiti hidup yang dimaksudkan oleh dasar-dasar yang telah digubal berjaya dicapai. Huraian input-input tersebut adalah seperti berikut:

**a. Input Pemerintah Bagi Mencapai Maqasid Syariah**

Berlandaskan asas-asas yang telah diperjelaskan, satu matriks telah dibina dan diisi dengan item-item yang memenuhi satu senarai semak (*check list*) yang digunakan untuk membuat semakan ke atas “tahap lengkap” input daripada pemerintah bagi membawa negara dan masyarakat ke tahap “patuh syariah”. Bagi sesuatu item, wujud atau tidaknya item tersebut sebagai input pemerintah menjadi ukuran kepada hampir atau jauhnya pemerintah daripada pencapaian maqasid dan pematuhan syariah. Misalnya, salah satu item yang digubalkan sebagai perlu menjadi input pemerintah bagi mencapai maqasid *ad-din* dalam bidang Perundangan Islam ialah, *Pewujudan undang-undang penubuhan jabatan agama Islam*.

Bersama-sama item ini terdapat 12 item yang lain bagi maqasid/bidang yang sama<sup>8</sup>. Kesemua item ini digunakan untuk mengukur pencapaian pemerintah bagi maqasid *ad-din* dalam bidang perundangan Islam. Ukuran yang digunakan ialah peratus item yang wujud daripada 13 yang disenaraikan itu. Penentuan wujud/tidak wujud item-item ini dibuat melalui semakan fakta oleh kumpulan pakar. Sejumlah 45.0 % yang diperolehi (8 bidang x 5 Maqasid Syariah) akan digunakan untuk membina indeks pematuhan bagi input pemerintah.

<sup>7</sup> Pengukuran boleh dibuat dalam bentuk pengumpulan data fakta (pendapat dan lain-lain) dan/atau pendapat dan persepsi yang diukur menggunakan Skala Likert.

<sup>8</sup> 13 item ini secara amnya menilai sejauh mana perundangan Islam mampu memelihara hak dan kedudukan agama Islam, di samping melindungi institusi beraja sebagai kustodian agama dan menilai peranan Mahkamah Syariah.

**b. Input Pelaksana (Agenzi) Bagi Mencapai Maqasid Syariah**

Dalam mengukur pencapaian input agensi, matriks yang serupa juga dibina untuk menjadi kerangka pengukuran. Matriks ini diisi dengan item-item yang memenuhi satu senarai yang digunakan sebagai item dalam instrumen kaji selidik persepsi (*perception survey*) pelaksana mengenai pencapaian negara dan masyarakat ke tahap patuh syariah. Bagi setiap item, penilaian pencapaian dengan menggunakan Skala Likert 5-titik menjadi ukuran kepada hampir atau jauhnya pelaksanaan undang-undang, polisi, peraturan, usaha dan sebagainya daripada pencapaian maqasid dan pematuhan syariah. Misalnya, salah satu item yang digubalkan bagi mencapai maqasid *ad-din* dalam bidang perundangan Islam ialah, *Penilaian ke atas manfaat penubuhan Jabatan Agama Islam*. Bersama-sama item ini terdapat enam item yang lain bagi maqasid/bidang yang sama<sup>9</sup>. Tujuh item ini digunakan untuk mengukur pencapaian pelaksanaan bagi maqasid *ad-din* dalam bidang perundangan Islam. Ukuran yang digunakan ialah skor purata bagi tujuh item ini yang ditransformasikan dari skala (1-5) kepada skala (0-100). Sejumlah 40 (8 bidang x 5 Maqasid Syariah) nilai skor yang diperoleh akan digunakan untuk membina indeks pematuhan bagi input pelaksana.

**c. Ukuran Pencapaian Maqasid Syariah Melalui Kaji Selidik Dalam Kalangan Masyarakat Islam**

Kerajaan dan agensi-agensinya dianggap sebagai memberi “*input*” ke dalam “*projek*” sebagaimana yang dinyatakan di atas, yang mana kejayaannya akan dapat dilihat menerusi kesejahteraan masyarakat yang dipupuk dan dilindungi oleh pemeliharaan

<sup>9</sup> Enam item yang lain ialah:

- (i) Penilaian ke atas keberkesanan undang-undang pencegahan murtad,
- (ii) Penilaian ke atas keberkesanan undang-undang pencegahan ajaran sesat,
- (iii) Penilaian terhadap kemampuan prasarana, kakitangan dan dana agensi agama,
- (iv) Penggembangan jaringan dan usaha agensi dan badan-badan Islam dalam mempertahankan undang-undang Islam,
- (v) Penilaian ke atas jaminan hak umat Islam segi kemudahan beribadat (masjid) bersandarkan niisab penduduk dalam sesebuah kawasan dan,
- (vi) Penilaian ke atas keberkesanan bahagian penguatkuasaan dan pendakwaan (tangkapan, reman dan sebagainya).

yang menyeluruh daripada lima keperluan dalam kehidupan manusia yang termaktub dalam lima Maqasid Syariah. Bagi mengukur kejayaan “projek” ini, satu kaji selidik persepsi masyarakat Islam mengenai “output” yang terhasil daripada input oleh pemerintah yang dilaksanakan oleh agensi-agensi (pelaksana) akan dilakukan. Instrumen kaji selidik direka bentuk untuk mencerap respons berkenaan keberkesanan hasil (*output*) daripada input-input pemerintah.

Ini memerlukan instrumen pengukuran menggunakan Skala Likert 5-titik bagi merekodkan respons. Skor bagi setiap respons ialah skor purata dari semua responden yang ditransformasikan dari skala (1-5) kepada skala (0-100).

### Mekanisme Pembinaan Indeks Syariah Malaysia

Indeks Syariah dibina dengan menggunakan ukuran yang diperoleh di atas sebagai suatu indeks komposit berpemberat yang diperoleh melalui pengagregatan lapan (8) subindeks berikut:

1. • Indeks Syariah (Perundangan Islam)
2. • Indeks Syariah (Politik)
3. • Indeks Syariah (Ekonomi)
4. • Indeks Syariah (Pendidikan)
5. • Indeks Syariah (Kesihatan)
6. • Indeks Syariah (Budaya)
7. • Indeks Syariah (Prasarana & Persekutaran)
8. • Indeks Syariah (Sosial)

**Jadual 1:**

**Contoh Ilustrasi Pengiraan Purata Berpemberat Bagi Lapan Subindeks Syariah  
Bagi Menghasilkan Indeks Syariah Bagi Input Pemerintah**

	<b>SUBINDEKS</b>	<b>PEMBERAT (<i>w</i>) (Nilai Contoh)</b>	<b>SUBINDEKS (<i>I</i>) (Nilai Contoh)</b>	<b><i>w x I</i></b>
A	Perundangan Islam	$wA = 1$	$IA = 79.8$	$wA \times IA = 79.8$
B	Politik	$wB = 3$	$IB = 72.0$	$wB \times IB = 216.0$
C	Ekonomi	$wC = 2$	$IC = 75.0$	$wC \times IC = 150.0$
D	Pendidikan	$wD = 5$	$ID = 60.0$	$wD \times ID = 300.0$
E	Kesihatan	$wE = 6$	$IE = 70.0$	$wE \times IE = 420.0$
F	Budaya	$wF = 7$	$IF = 70.0$	$wF \times IF = 490.0$
G	Prasarana & Persekitaran	$wG = 4$	$IG = 80.0$	$wG \times IG = 320.0$
H	Sosial	$wH = 8$	$IH = 65.0$	$wH \times IH = 520.0$
<b>JUMLAH</b>		<b>36</b>	-	<b>2,486.0</b>

**Nilai Indeks<sup>10</sup>**

$$= \frac{wA \times IA + wB \times IB + \dots + wH \times IH}{wA + wB + \dots + wH} = \frac{2486}{36} = 69.1$$

Setiap satu daripada lapan subindeks di atas dibina dengan mengagregatkan nilai-nilai skor komponennya. Nilai skor bagi setiap komponen ialah nilai purata bagi skor-skor yang diperoleh daripada respons dalam seksyen yang berkenaan dalam instrumen.

Senarai komponen bagi setiap satu subindeks dipamerkan melalui **Jadual 2** hingga **Jadual 9**.

<sup>10</sup> Rumus bagi pengiraan ini lazimnya dipersembahkan sebagai  $\sum_{i=1}^8 w_i y_i / \sum_{i=1}^8 w_i$

**INDEKS SYARIAH MALAYSIA:  
MODEL TADBIR URUS BERTERASKAN MAQASID SYARIAH**

**Jadual 2:**

**Komponen-Komponen Subindeks Kepada Indeks Syariah**

SUBINDEKS	KOMPONEN (MAQASID SYARIAH)	SEKSYEN DAN BILANGAN SOALAN MENGIKUT KOMPONEN					
		INPUT PEMERINTAH		PELAKSANA		KESAN	
		PENILAI: PAKAR (MENGIKUT BIDANG)		PENILAI: PENJAWAT AWAM		PENILAI: MASYARAKAT (ISLAM)	
		SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN
<b>A</b> PERUNDANGAN ISLAM	<i>Ad-Din (Agama)</i>	A1	13	A1	7	A1	3
	<i>An-Nafs (Jiwa)</i>	A2	13	A2	4	A2	3
	<i>Al-'Aql (Akal)</i>	A3	6	A3	5	A3	3
	<i>An-Nasl (Keturunan)</i>	A4	8	A4	4	A4	3
	<i>Al-Mal (Harta)</i>	A5	7	A5	4	A5	3

**Jadual 3:**

**Komponen-Komponen Subindeks Kepada Indeks Syariah**

SUBINDEKS	KOMPONEN (MAQASID SYARIAH)	SEKSYEN DAN BILANGAN SOALAN MENGIKUT KOMPONEN					
		INPUT PEMERINTAH		PELAKSANA		KESAN	
		PENILAI: PAKAR (MENGIKUT BIDANG)		PENILAI: PENJAWAT AWAM		PENILAI: MASYARAKAT (ISLAM)	
		SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN
<b>B</b> POLITIK	<i>Ad-Din (Agama)</i>	B1	3	B1	1	B1	2
	<i>An-Nafs (Jiwa)</i>	B2	4	B2	4	B2	3
	<i>Al-'Aql (Akal)</i>	B3	3	B3	2	B3	3
	<i>An-Nasl (Keturunan)</i>	B4	2	B4	2	B4	2
	<i>Al-Mal (Harta)</i>	B5	2	B5	2	B5	2

**INDEKS SYARIAH MALAYSIA:  
MODEL TADBIR URUS BERTERASKAN MAQASID SYARIAH**

**Jadual 4:**  
**Komponen-Komponen Subindeks Kepada Indeks Syariah**

SUBINDEKS	KOMPONEN (MAQASID SYARIAH)	SEKSYEN DAN BILANGAN SOALAN MENGIKUT KOMPONEN					
		INPUT PEMERINTAH		PELAKSANA		KESAN	
		PENILAI: PAKAR (MENGIKUT BIDANG)		PENILAI: PENJAWAT AWAM		PENILAI: MASYARAKAT (ISLAM)	
		SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN
<b>C</b> EKONOMI	<i>Ad-Din (Agama)</i>	C1	5	C1	6	C1	6
	<i>An-Nafs (Jiwa)</i>	C2	7	C2	8	C2	5
	<i>Al-'Aql (Akal)</i>	C3	6	C3	3	C3	3
	<i>An-Nasl (Keturunan)</i>	C4	4	C4	5	C4	3
	<i>Al-Mal (Harta)</i>	C5	14	C5	16	C5	3

**Jadual 5:**  
**Komponen-Komponen Subindeks Kepada Indeks Syariah**

SUBINDEKS	KOMPONEN (MAQASID SYARIAH)	SEKSYEN DAN BILANGAN SOALAN MENGIKUT KOMPONEN					
		INPUT PEMERINTAH		PELAKSANA		KESAN	
		PENILAI: PAKAR (MENGIKUT BIDANG)		PENILAI: PENJAWAT AWAM		PENILAI: MASYARAKAT (ISLAM)	
		SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN
<b>D</b> PENDIDIKAN	<i>Ad-Din (Agama)</i>	D1	5	D1	4	D1	3
	<i>An-Nafs (Jiwa)</i>	D2	2	D2	14	D2	6
	<i>Al-'Aql (Akal)</i>	D3	6	D3	12	D3	4
	<i>An-Nasl (Keturunan)</i>	D4	1	D4	4	D4	4
	<i>Al-Mal (Harta)</i>	D5	2	D5	0	D5	0

**INDEKS SYARIAH MALAYSIA:  
MODEL TADBIR URUS BERTERASKAN MAQASID SYARIAH**

**Jadual 6:**  
**Komponen-Komponen Subindeks Kepada Indeks Syariah**

SUBINDEKS	KOMPONEN (MAQASID SYARIAH)	SEKSYEN DAN BILANGAN SOALAN MENGIKUT KOMPONEN					
		INPUT PEMERINTAH		PELAKSANA		KESAN	
		NILAI: PAKAR (MENGIKUT BIDANG)		NILAI: PENJAWAT AWAM		NILAI: MASYARAKAT (ISLAM)	
		SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN
<b>E</b> KESIHATAN	<i>Ad-Din (Agama)</i>	E1	3	E1	4	E1	3
	<i>An-Nafs (Jiwa)</i>	E2	2	E2	2	E2	4
	<i>Al-'Aql (Akal)</i>	E3	3	E3	2	E3	0
	<i>An-Nasl (Keturunan)</i>	E4	3	E4	2	E4	2
	<i>Al-Mal (Harta)</i>	E5	4	E5	3	E5	3

**Jadual 7:**  
**Komponen-Komponen Subindeks Kepada Indeks Syariah**

SUBINDEKS	KOMPONEN (MAQASID SYARIAH)	SEKSYEN DAN BILANGAN SOALAN MENGIKUT KOMPONEN					
		INPUT PEMERINTAH		PELAKSANA		KESAN	
		NILAI: PAKAR (MENGIKUT BIDANG)		NILAI: PENJAWAT AWAM		NILAI: MASYARAKAT (ISLAM)	
		SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN
<b>F</b> BUDAYA	<i>Ad-Din (Agama)</i>	F1	6	F1	5	F1	5
	<i>An-Nafs (Jiwa)</i>	F2	6	F2	3	F2	3
	<i>Al-'Aql (Akal)</i>	F3	2	F3	1	F3	2
	<i>An-Nasl (Keturunan)</i>	F4	2	F4	3	F4	3
	<i>Al-Mal (Harta)</i>	F5	2	F5	1	F5	5

**INDEKS SYARIAH MALAYSIA:  
MODEL TADBIR URUS BERTERASKAN MAQASID SYARIAH**

**Jadual 8:**  
**Komponen-Komponen Subindeks Kepada Indeks Syariah**

SUBINDEKS	KOMPONEN (MAQASID SYARIAH)	SEKSYEN DAN BILANGAN SOALAN MENGIKUT KOMPONEN					
		INPUT PEMERINTAH		PELAKSANA		KESAN	
		PENILAI: PAKAR (MENGIKUT BIDANG)		PENILAI: PENJAWAT AWAM		PENILAI: MASYARAKAT (ISLAM)	
		SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN
<b>G</b> PRASARANA & PERSEKITARAN	<i>Ad-Din (Agama)</i>	G1	5	G1	5	G1	5
	<i>An-Nafs (Jiwa)</i>	G2	4	G2	13	G2	13
	<i>Al-'Aql (Akal)</i>	G3	2	G3	4	G3	4
	<i>An-Nasl (Keturunan)</i>	G4	2	G4	2	G4	2
	<i>Al-Mal (Harta)</i>	G5	0	G5	2	G5	2

**Jadual 9:**  
**Komponen-Komponen Subindeks Kepada Indeks Syariah**

SUBINDEKS	KOMPONEN (MAQASID SYARIAH)	SEKSYEN DAN BILANGAN SOALAN MENGIKUT KOMPONEN					
		INPUT PEMERINTAH		PELAKSANA		KESAN	
		PENILAI: PAKAR (MENGIKUT BIDANG)		PENILAI: PENJAWAT AWAM		PENILAI: MASYARAKAT (ISLAM)	
		SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN	SEKSYEN	BIL. SOALAN
<b>H</b> PEMATUHAN SYARI'AH (SOSIAL)	<i>Ad-Din (Agama)</i>	H1	3	H1	4	H1	4
	<i>An-Nafs (Jiwa)</i>	H2	4	H2	11	H2	8
	<i>Al-'Aql (Akal)</i>	H3	0	H3	1	H3	0
	<i>An-Nasl (Keturunan)</i>	H4	11	H4	9	H4	9
	<i>Al-Mal (Harta)</i>	H5	1	H5	0	H5	0

Pembinaan indeks adalah seperti berikut:

**i. Pengiraan Skor Subindeks**

Blok binaan asas (*basic building block*) bagi pembinaan indeks ialah nilai-nilai skor bagi item-item (soalan/kenyataan) dalam instrumen.

Dalam membina skor bagi sesuatu soalan yang mempunyai respons binari “YA/TIDAK” atau “ADA/TIADA”, peratus respons bagi “YA” atau “ADA” bagi item digunakan sebagai skor mentah (*raw score*). Julat skor mentah (%) adalah dari 0 hingga 100.

Wujud atau tidaknya sesuatu item sebagai input pemerintah menyumbang kepada hampir atau jauhnya negara daripada pencapaian maqasid, justeru pematuhan syariah.

Bagi membina skor untuk item yang mempunyai respons berskala 1-5 pula, purata respons bagi item digunakan sebagai skor mentah. Skor bagi item diperoleh dengan membuat transformasi ke skala (0 hingga 100) menggunakan fungsi linear berikut:

$$y = g(x) = 25(x - 1)$$

yang mana  $x$  adalah skor mentah bagi item, dan  $y$  adalah skor jelmaan bagi item. Misalnya, jika sesuatu item mempunyai purata respons bernilai 4.5 (iaitu skor mentah 4.5), maka skor jelmaan bagi item tersebut ialah:

$$y = g(x) = 25(x - 1) = 25(4.5 - 1) = 87.5$$

**Jadual 10:**  
**Contoh Ilustrasi Pengiraan Nilai Subindeks Syariah (Perundangan Islam)**  
**Bagi Input Pemerintah**

SUBINDEKS	KOMPONEN (MAQASID SYARIAH)	SEKSYEN DALAM INSTRUMEN	BIL. ITEM YANG DITENTUKAN (DALAM INSTRUMEN)	BIL. ITEM YANG SUDAH WUJUD (PENILAIAN PAKAR) (CONTOH)	SKOR KOMPONEN (1-100)
<b>A</b> PERUNDANGAN ISLAM	<i>Ad-Din (Agama)</i>	A1	13	11	84.6
	<i>An-Nafs (Jiwa)</i>	A2	13	10	76.9
	<i>Al-'Aql (Akal)</i>	A3	6	3	50.0
	<i>An-Nasl (Keturunan)</i>	A4	8	7	87.5
	<i>Al-Mal (Harta)</i>	A5	7	7	100.0
<b>NILAI SUBINDEKS SYARIAH (PERUNDANGAN ISLAM) (PEMERINTAH) = PURATA =</b>					<b>79.8</b>

- ii. **Pengiraan Skor Komponen Dan Nilai Subindeks Bagi Input Pemerintah**  
 Bagi tujuan mengira nilai subindeks syariah untuk *Input Pemerintah*, nilai peratus (0-100) bagi setiap komponen (Maqasid Syariah) sesuatu subindeks digunakan sebagai skor komponen berkenaan. Misalnya, untuk mengira nilai subindeks syariah (*Perundangan*) (*Pemerintah*) skor bagi komponen-komponen (Maqasid Syariah) *ad-din*, *an-nafs*, *al-'aql*, *an-nasl* dan *al-mal* digunakan untuk pengiraan seperti di **Jadual 10**.

Nilai subindeks syariah (*Perundangan Islam*) (*Pemerintah*) ialah nilai purata bagi 5 skor; iaitu skor bagi Maqasid Syariah iaitu, *ad-din* (84.6), *an-nafs* (76.9), *al-'aql* (50.0), *an-nasl* (87.5) dan *al-mal* (100.0).

Kaedah pengiraan di atas diulang untuk memperolehi subindeks lain untuk *Input Pemerintah*. Nilai lapan subindeks ini kemudianya digunakan untuk memperolehi Indeks Syariah bagi *Input Pemerintah*.

**iii. Pengiraan Skor Komponen Dan Nilai Subindeks Bagi Input Pelaksana (Agenzi)**

Bagi tujuan mengira nilai subindeks syariah untuk *Input Pelaksana* nilai skor purata (1-5) bagi setiap komponen (Maqasid Syariah) sesuatu subindeks dijelmakan menjadi skala (0-100). Skor-skor jelmaan digunakan sebagai skor bagi komponen berkenaan. Misalnya, untuk mengira nilai subindeks syariah (*Perundangan Islam*) (*Pelaksana*) skor bagi komponen-komponen (Maqasid Syariah) iaitu, *ad-din*, *an-nafs*, *al-'aql*, *an-nasl* dan *al-mal* digunakan untuk pengiraan seperti di **Jadual 11**.

**Jadual 11:**

**Contoh Ilustrasi Pengiraan Nilai Subindeks Syariah (Perundangan Islam)  
Bagi Input Pelaksana**

SUBINDEKS	KOMPONEN (MAQASID SYARIAH)	SEKSYEN DALAM INSTRUMEN	BIL. ITEM YANG DITENTUKAN (DALAM INSTRUMEN)	SKOR PURATA KOMPONEN (SKALA: 1-5)	SKOR JELMAAN KOMPONEN (SKALA: 1-100)
<b>A</b> <b>PERUNDANGAN ISLAM</b>	<i>Ad-Din (Agama)</i>	A1	7	3.61	65.3
	<i>An-Nafs (Jiwa)</i>	A2	4	4.13	78.3
	<i>Al-'Aql (Akal)</i>	A3	5	3.12	53.0
	<i>An-Nasl (Keturunan)</i>	A4	4	2.75	43.8
	<i>Al-Mal (Harta)</i>	A5	4	4.21	80.3
<b>NILAI SUBINDEKS SYARIAH (PERUNDANGAN ISLAM) (PELAKSANA) = PURATA =</b>					<b>64.1</b>

Seperti yang dipamerkan di **Jadual 11** nilai subindeks syariah (*Perundangan*) (*Pelaksana*) ialah nilai purata bagi 5 skor iaitu, skor bagi Maqasid Syariah iaitu, *ad-din* (65.3), *an-nafs* (78.3), *al-'aql* (53.0), *an-nasl* (43.8) dan *al-mal* (80.3).

Kaedah pengiraan di sebelah diulang untuk memperolehi tujuh subindeks lain untuk *Input Pelaksana*. Nilai lapan subindeks ini kemudian digunakan untuk memperolehi Indeks Syariah bagi *Input Pemerintah* seperti yang dipaparkan menerusi **Jadual 12**.

**Jadual 12:**  
**Contoh Ilustrasi Pengiraan Purata Berpemberat Bagi Lapan Subindeks Syariah**  
**Bagi Menghasilkan Indeks Syariah Bagi Input Pelaksana**

	SUBINDEKS	PEMBERAT ( <i>w</i> ) (Nilai Contoh)	SUBINDEKS ( <i>I</i> ) (Nilai Contoh)	<i>w x I</i>
A	Perundangan Islam	1	64.1	64.1
B	Politik	3	72.1	216.3
C	Ekonomi	2	75.3	150.6
D	Pendidikan	5	61.1	305.5
E	Kesihatan	6	70.5	423
F	Budaya	7	91.1	637.7
G	Prasarana & Persekitaran	4	80.3	321.2
H	Sosial	8	66.2	529.6
<b>JUMLAH</b>		<b>36</b>	-	<b>2,648.0</b>

$$\text{Nilai Indeks} = \frac{2648}{36} = 73.6$$

- iv. **Pengiraan Skor Komponen Dan Nilai Subindeks Bagi Masyarakat**  
 Bagi tujuan mengira nilai subindeks syariah untuk Masyarakat (Islam) nilai skor purata (1-5) bagi setiap komponen (Maqasid Syariah) sesuatu subindeks dijelmakan menjadi skala (0-100). Skor-skor jelmaan digunakan sebagai skor bagi komponen berkenaan. Misalnya, untuk mengira nilai subindeks syariah (*Perundangan Islam*) (*Masyarakat*) skor bagi komponen-komponen (Maqasid Syariah) iaitu, *ad-din*, *an-nafs*, *al-'aql*, *an-nasl* dan *al-mal* digunakan untuk pengiraan seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13:**

**Contoh Ilustrasi Pengiraan Nilai Subindeks Syariah  
(Perundangan Islam) Bagi Masyarakat**

SUBINDEKS	KOMPONEN (MAQASID SYARIAH)	SEKSYEN DALAM INSTRUMEN	BIL. ITEM DALAM INSTRUMEN	SKOR PURATA KOMPONEN (SKALA: 1-5)	SKOR JELMAAN KOMPONEN (SKALA: 1-100)
A PERUNDANGAN ISLAM	<i>Ad-Din (Agama)</i>	A1	3	3.11	52.8
	<i>An-Nafs (Jiwa)</i>	A2	3	4.63	90.8
	<i>Al-'Aql (Akal)</i>	A3	3	3.78	69.5
	<i>An-Nasl (Keturunan)</i>	A4	3	3.75	68.8
	<i>Al-Mal (Harta)</i>	A5	3	4.37	84.3
<b>NILAI SUBINDEKS SYARIAH (PERUNDANGAN ISLAM) (PELAKSANA) = PURATA =</b>					<b>73.2</b>

Seperti yang dipamerkan di **Jadual 13**, nilai subindeks syariah (*Perundangan Islam*) (*Pelaksana*) ialah nilai purata bagi 5 skor; iaitu skor bagi Maqasid Syariah; *ad-din* (52.8), *an-nafs* (90.8), *al-'aql* (69.5), *an-nasl* (68.8) dan *al-mal* (84.3).

Kaedah pengiraan di atas diulang untuk memperolehi tujuh subindeks lain untuk *Input Pelaksana*.

Nilai lapan subindeks ini kemudiannya digunakan untuk memperolehi Indeks Syariah bagi *Masyarakat* seperti yang dipamerkan menerusi **Jadual 14**.

**Jadual 14:**

**Contoh Pengiraan Purata Berpemberat Bagi Lapan Subindeks  
Syariah Bagi Menghasilkan Indeks Syariah Bagi Masyarakat**

	<b>SUBINDEKS</b>	<b>PEMBERAT (<i>w</i>) (Nilai Contoh)</b>	<b>SUBINDEKS (<i>I</i>) (Nilai Contoh)</b>	<b><i>w x I</i></b>
A	Perundangan Islam	1	73.2	73.2
B	Politik	3	82.1	246.3
C	Ekonomi	2	59.5	119.0
D	Pendidikan	5	67.2	336.0
E	Kesihatan	6	81.1	486.6
F	Budaya	7	70.2	491.4
G	Prasarana & Persekitaran	4	69.1	276.4
H	Sosial	8	63.2	505.6
<b>JUMLAH</b>		<b>36</b>	-	<b>2,534.5</b>

$$\text{Nilai Indeks} = \frac{2534.5}{36} = 70.4$$

**v. Pengiraan Indeks Syariah Malaysia 2014**

Indeks Syariah Malaysia 2014 (ISM2014) diperoleh dengan mengambil purata berpemberat tiga indeks iaitu Indeks Syariah (Pemerintah) (IP), Indeks Syariah (Pelaksana) (IL) dan, Indeks Syariah (Masyarakat) (IM):

$$ISM\ 2014 = \frac{\sum_{i=1}^3 w_i y_i}{\sum_{i=1}^3 w_i} = \frac{w_1 y_1 + w_2 y_2 + w_3 y_3}{w_1 + w_2 + w_3}$$

di mana,  $w_1, w_2, w_3$  adalah pemberat-pemberat bagi IP, IL, dan IM manakala  $y_1, y_2, y_3$  pula adalah IP, IL, dan IM. Ilustrasi pengiraan ini dipamerkan menerusi **Jadual 15**.

**Jadual 15:**  
**Contoh Pengiraan Indeks Syariah Malaysia 2014**

	SUBINDEKS	PEMBERAT ( <i>w</i> ) (Nilai Contoh)	SUBINDEKS ( <i>y</i> ) (Nilai Contoh)	<i>w x y</i>
1	Pemerintah (IP)	50	69.1	3,455.0
2	Pelaksana (IL)	30	73.6	2,208.0
3	Masyarakat (IM)	20	70.4	1,408.0
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>	-	<b>7,071.0</b>

$$\text{Nilai ISM 2014} = \frac{7,071.0}{100} = 70.7$$

## **PENUTUP**

Maqasid Syariah adalah tunjang pada Syariah Islam yang melibatkan faktor akidah, ibadah dan akhlak. Justeru, adalah penting untuk memahami konsep dan prinsip Maqasid Syariah kerana bukan mudah untuk mengukur sejauh mana fahaman masyarakat terhadap isu dan aspek Maqasid Syariah sama ada dalam kalangan masyarakat awam, akademia, pemimpin mahupun pemerintah. Hal ini menunjukkan bahawa perlunya mengambil pendekatan strategik dan berimbang dalam memahami dan melaksanakan setiap perancangan bersabit dengan pentadbiran negara dalam memenuhi keperluan rakyat mengikut kerangka Maqasid Syariah.

Komponen penting dalam Maqasid Syariah membuktikan bahawa Islam adalah sistem hidup yang lengkap, komprehensif dan relevan pada bila-bila masa dan sudah tentu boleh dilaksanakan dalam apa juga urusan kehidupan. Garis panduan yang ideal ini adalah bagi memastikan segala keperluan, kehendak dan aspirasi kehidupan dapat dipenuhi serta terpelihara. Hal ini bertepatan dengan prinsip Maqasid Syariah iaitu menjamin serta melindungi maruah, kepentingan dan kehormatan individu di samping memelihara keharmonian hubungan antara manusia. Maqasid Syariah merupakan

matlamat yang ingin dicapai oleh Syariah Islam demi kepentingan umat manusia sejagat.

Menghadapi alaf baru dengan pendekatan manhaj yang berbeza sama ada *salaf* mahupun *khalaf* akan mewujudkan perbezaan pemikiran dan aliran yang boleh mencetuskan permusuhan di antara satu sama lain. Namun, kesucian akidah Islam hendaklah dijamin kehormatannya dan dipelihara tanpa ada kompromi daripada mana-mana pihak. Kekeliruan pandangan dan aliran pemikiran yang berlaku akan memporak-perandakan masyarakat dan akan melemahkan negara. Umat Islam di minta untuk kembali semula kepada Al-Qur'an dan As-Sunnah jika terjadinya perselisihan dan pertelingkahan sepetimana firman Allah SWT dalam surah An- Nisaa':

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَنْكَحْتُمْ  
فَإِنْ تَنْزَعُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوْهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya : "Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Qur'an) dan (As-Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya".

(Surah An-Nisaa', 4 : 59)

Justeru, untuk mencari jalan penyelesaian melalui titik pertemuan dan persamaan agar berlakunya keharmonian di antara masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum, maka pendekatan wasatiyyah (kesederhanaan) dilihat mampu untuk menyelesaikan punca permasalahan ini agar kesejahteraan

di antara umat Islam sendiri dan agama lain dapat diharmonikan. Penerapan nilai-nilai wasatiyyah dalam kepemimpinan dan pentadbiran negara yang menjurus pada usaha pemeliharaan Maqasid Syariah adalah kunci utama pada kemakmuran dan kesatuan rakyat di Malaysia.

Maqasid Syariah menjadi asas utama bagi pemegang tumpuk pemerintahan negara. Justeru, amanah dan tanggungjawab yang dipikul adalah amat besar bagi mencapai matlamat Maqasid Syariah untuk menjamin kesejahteraan hidup rakyat serta keamanan negara kerana ia akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT di akhirat kelak. Untuk menjamin kesejahteraan dan kemakmuran sesebuah negara, sudah tentu golongan yang dipilih untuk memikul amanah ini adalah terdiri daripada mereka yang benar-benar berkelayakan. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعُدْلِ إِنَّ اللَّهَ يُعِظُّ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَيِّئًا بَصِيرًا ﴿٤٧﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menetapkan suatu hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menetapkan menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat".

(Surah An-Nisaa', 4 : 58)

Dalil di atas ditujukan khusus kepada para pemimpin dan penguasa agar menjaga dan menyerahkan amanah serta menjalankan kekuasaan secara adil. Keadilan ini mencakupi pelbagai aspek utama dalam pemerintahan dan pentadbiran sesebuah negara selari dengan Syariah Islam.

Pendekatan wasatiyyah juga diambil kira sebagai satu keadilan yang diterapkan oleh pemerintah bagi menjamin kesaksamaan dalam pentadbiran negara

dan ia bertepatan dengan Syariah Islam. Keadilan yang dimaksudkan bukanlah bermakna sama rata atau dua benda yang sama-sama sukatan atau dua benda yang sama ukurannya. Tetapi keadilan sebenar adalah apa sahaja yang kita lakukan sama ada melibatkan manusia atau benda atau perkara, sama ada yang bersifat *maddi* (material) mahupun bersifat maknawi atau rohani, jika dapat diletakkan pada tempatnya, inilah yang dikatakan adil. Jika berlaku sebaliknya, maka ia dinamakan zalim. Sifat keadilan akan membawa seseorang lebih dekat ketakwaannya kepada Allah SWT sejatinya melalui firmanNya dalam surah Al-Maa'idah:

وَلَا يَجِدْ مِنْكُمْ شَيْئاً قَوْمٌ عَلَىٰ أَلَا تَعْدِلُواٖ أَعْدَلُواٖ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٖ  
وَأَنْقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: “Janganlah kamu tertarik kerana kebencianmu terhadap satu kaum sehingga kamu tidak berlaku adil. Berlaku adillah, kerana keadilan itu lebih dekat dengan takwa dan takutlah kepada Allah”.

(Surah Al-Maa'idah, 5 : 8)

Dalam konteks ini, adalah menjadi tanggungjawab pemerintah melalui pendekatan wasatiyyah, untuk menjaga segala kepentingan rakyat yang berkaitan dengan kehidupan di dunia dan agama bertepatan dengan pelaksanaan Syariah Islam yang terangkum dalam ibadat, muamalat dan munakahat, seperti keamanan negara, keselamatan nyawa dan harta benda, kebijakan, keselamatan akidah serta kemudahan menunaikan perintah agama.

Maqasid Syariah sememangnya telah diaplikasikan sebagai teras dalam pemerintahan di Malaysia selama ini. Hanya ia belum pernah diukur pada suatu tahap sebenar. Walhal apa yang diusahakan oleh pemerintah melalui kementerian, jabatan dan agensi di bawahnya adalah berlandaskan Maqasid Syariah demi mencapai matlamat sebenar bagi kepentingan dan kemaslahatan rakyat dan negara. Apa yang dilakukan oleh pemerintah adalah berdasarkan kemaslahatan dan kebijakan rakyat yang dipimpinnya sejatinya dalam kaedah *feqah*:

## تصرف الإمام على الرعية منوط بالصلحة

Maksudnya: “*Tindak tanduk imam (pemerintah) terhadap rakyatnya hendaklah didasarkan kepada maslahah*”.<sup>11</sup>

Kaedah feqah tersebut amat penting sebagai garis panduan kepada pemerintah dalam urusan membentuk sebarang dasar dan polisi ke atas rakyatnya. Malah, kaedah-kaedah lain yang menjadi asas pertimbangan membuat polisi atas nama Siyasah Syar’iyyah turut menekankan keperluan pengambilkiraan maslahah.

Maqasid Syariah sangat penting dijadikan sebagai suatu alat atau metode bagi merancang pembangunan negara melalui polisi-polisi yang sesuai dengan syarak. Ia turut diaplikasikan oleh Khulafa’ Ar-Rasyidin bagi menangani persoalan yang wujud selepas kewafatan Rasulullah SAW<sup>12</sup>. Kepentingan asas melalui Maqasid Syariah ini dalam usaha memahami dan melaksanakan dasar pentadbiran negara, ekonomi dan sosial yang bersesuaian, perlindungan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta adalah ciri *universal* yang sebenarnya mempunyai pengaruh besar dalam pembangunan sesebuah negara dan bangsa.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pentadbiran negara melalui pewujudan Indeks Syariah berteraskan Maqasid Syariah ini akan dapat merancang polisi-polisi negara dan melakarkan program-program dengan baik. Ini kerana inti pati Maqasid Syariah itu sendiri ingin mencapai kemaslahatan manusia sejagat yang dapat diterima oleh semua agama.

Indeks Syariah Malaysia yang menggabungkan lima (5) elemen utama Maqasid Syariah dalam penjagaan kehidupan seseorang manusia adalah bersifat *universal*. Semua agama mementingkan pemeliharaan hak dan kehidupan setiap penganutnya. Selama ini rakyat Malaysia hidup dalam keadaan sejahtera dan harmoni tanpa berlakunya pergaduhan dan perpeperangan antara kaum dan agama. Jika berlaku pergaduhan sekalipun, ia hanyalah salah

<sup>11</sup> Jalaluddin Al-Sayuti, (1998), *Al-Ashbah Wa Al-Naza’ir* (Bayrut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah)

<sup>12</sup> Abdul Rahman bin Muammar Al-Sanusiy, (2011), *Al-Ijtihad Bi Ar-Ray’ Fi Al-Khilafah Al-Rashidah* (Kuwait: Al-Waciy Al-Islamiyy)

faham yang kecil berbanding negara lain yang hidup mereka dalam ketakutan dan kebimbangan disebabkan wujudnya suasana yang tidak aman.

Keamanan, kemakmuran, keharmonian serta kestabilan yang wujud di Malaysia dan dinikmati oleh pelbagai kaum pada hari ini merupakan pelaksanaan dan penguatkuasaan prinsip Maqasid Syariah yang menjaga lima perkara utama yang ditekankan iaitu penjagaan dari segi nyawa, agama, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, semua pihak perlu bersikap positif bahawa hasrat murni Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan Indeks Syariah ini adalah demi untuk menjaga kebijakan seluruh rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.



## Bibliografi

### DOKUMEN RASMI

Malaysia, Bank Negara Malaysia. (2010). *Syari'ah Governance Framework for Islamic Financial Institutions 2010*.

Malaysia, Bank Negara Malaysia. (2013). *Financial Stability and Payment System Report 2012*.

Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) & MUAFAKAT. (2013). *Prosiding Kertas Kerja Seminar Mendaulatkan Islam - Agama Negara*.

Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi. (2008). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara*.

Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti. (2013). *Senarai Sekuriti Patuh Syari'ah oleh Majlis Penasihat Syari'ah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*.

Malaysia, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Economic Transformation Programme: A Roadmap for Malaysia*.

Malaysia, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Program Transformasi Kerajaan: Pelan Hala Tuju*.

Malaysia, Unit Perancang Ekonomi (UPE). (2013). *Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013*.

### BUKU

Abdul Rahman bin Muammar al-Sanusiy. (2011). *Al-Ijtihad Bi Ar-Ray' Fi Al-Khilafah Al-Rashidah*. Kuwait: al-Waciyy al-Islamiyy.

'Abd al-Wahhab Khallaf (1998). *As-Siyasah al-Shar'iyyah*. Beirut: Mu'assat al-Risalah.

- Abu Zahrah, Mummad (1967). *Al-Milkiyyah wa Nazariyyah al-Aqd fi al-Shariah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar-al Fikr al-Arabi.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1901). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. (1st Ed.). Egypt: Al-Matba'ah al-Amiriyyah.
- Al-Raysuni, Ahmad. (2006). *Imam al-Shatibi's Theory of the Higher Objectives and Intents of Islamic Law*. USA: International Institute of Islamic Thought, Herndon.
- Al-Raysuni, Ahmad (1991). *Nazariyyat al-Maqasid 'ind al-Imam al-Shatibi*. Rabat: Dar al-Aman.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq (2004). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Atiyah, Gamal Eldin. (2008). *Nahw Tafeel Maqasid al-Shari'ah [Towards Revitalising al-Maqasid]*. USA: International Institute of Islamic Thought, Herndon.
- Chapra, M. (2008). *The Islamic Vision of Development in the Light of the Maqasid al-Syari'ah*, Jeddah, Kingdom of Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute.
- Fadel, M. (2002). "Istihsan is nine-tenths of the Law." The Puzzling Relationship of Usul to Furu in the Maliki Madhhab. Berned weiss.ed, *Studies in Islamic Law & Society*.
- Harzat Mirza Tahir Ahmad Khalifatul Masih IV (1992). *Syari'ah Relationship between Religion and Politics in Islam*. Inter-religious Consults, Suriname 3 Jun 1991.
- Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir. (1998). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*, ed., al-Misawi, Muhammad al-Tahir, al-Basa'ir, Kuala Lumpur.
- Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir (2006). *Treatise on Maqasid al-Shariah*. USA: International Institute of Islamic Thought, Herndon.
- IKIM. (2011). *Kajian Pemacuan Transformasi Sistem Perundangan Islam Di Malaysia (2010-2012)*. Kuala Lumpur: IKIM.

Jalaluddin al-Sayuti, (1998), *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Javed Ahmad Ghamidi (translated by Shehzad Saleem, (2005). *The Political Syari'ah of Islam*. Al-Mawrid.

Mahmood Zuhdi Abd Majid (2000). *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun Dalam Hukum Islam Semasa*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam UM.

Mahmood Zuhdi Abdul Majid & Paizah Ismail. (2004). *Pengantar Pengajian Syari'ah* (2<sup>nd</sup> ed). Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sdn Bhd.

Mohamad Akram Laldin. (2011). *Introduction to Shari'ah and Islamic Jurisprudence*, (3<sup>rd</sup> ed.). Kuala Lumpur: CERT Certification.

Mohammad Hashim Kamali (2012). *A Summary of the Book "Maqasid Al-Shariah: Made Simple"*. IIIT.

Ngazee, K. (1994). *Theories of Islamic Law*. Islamabad: Islamic Research Institute of Islamabad.

Rasha Ellass. (2009). *Syari'ah Index Will Rate Countries' Islamic Law*. The National UAE.

Shah Wali Allah al-Dihlawi, (1322 AH). *Hujjat Allah al-Baligha*. Cairo.

As-Syatibi, *al-Muwafaqat fi Ushul al-Syari'ah*. Cairo: Mustafa Muhammad.

Yusuf al-Qadarawi (2001). *Fiqh Keutamaan*. Terjemah Bahruddin Fannani. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

## **JURNAL**

Abdul Manaf Bohari, Cheng Wei Hin dan Nurwahida Fuad (2013). The Competitiveness of Halal Food Industry in Malaysia: A SWOT - ICT analysis. *Journal of Society and Space 9, Issue 1* (1-9).

Amir Husin Mohd Nor, Muhammad Nazir Alias, Mohd Adib Samsudin, Anwar Fakri Omar, Ibnor Azli Ibrahim, Hayatullah Laluddin, Abdel Wadoud Moustafa Moursi El-Seodi & Ahmad Muhammad Husni and Norhoneydayatie Abdul Manap (2012). Application of the Principles of Maqasid Shari'ah in Administration of the Islamic Countries. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(6):847-851.

Anto, M. H. (2009). Introducing an Islamic Human Development Index (I-HDI) to Measure Development in OIC countries. *Islamic Economic Studies*, 19(2), pp. 69-95.

Asyraf Wajdi Dusuki & Abdulazeem Abozaid (2007). A Critical Appraisal on the Challenges of Realising Maqasid al-Shariah in Islamic Banking and Finance. *IIUM Journal of Economics and Management* 15, no.2 :147-165.

Bendourou, Omar. (1993). Power and Opposition in Morocco. *Journal of Democracy* 7 (3): 108-122.

Dar, H. A. (2004). On Making Human Development More Humane. *International Journal of Social Economics*, 31 (11/12), pp. 1071-1088.

Hafiez Sofyani, Ihya Ulum, Daniel Syam, Sri Wahjuni L. (2012). Islamic Social Reporting Index sebagai Model Pengukuran Kinerja Sosial Perbankan Syariah (studi komparasi Indonesia dan Malaysia). *Jurnal Dinamika Akauntasi*. Vol. 4, No. 1, Maret 2012, pp 36-46

Imam Feisal Abdul Rauf (2010). Justification & Theory of Shariah Law: how the American declaration of independence, bill of rights and constitution are consistent with Islamic jurisprudence. University of St. Thomas. *Law Journal* 7:3, 2010

Mohsina Habib dan Khalid ul Islam (2014). Performance Syari'ah Compliant: a Comparative Study of India and Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Multidisciplinary Studies (IJIMS)*, Vol 1, No.6, 231-241.

R. Hassan, M. Ariffin, A.A. Othman, M.D.M Napiah, M.N. Omar & A.Yusoff, Nuraini Khatimin & Azami Zaharin (2013). Survey on Implementation of Internal Syari'ah Compliance Function in Malaysian Islamic Banks and Takaful Companies. *World Journal of Social Sciences*, vol.1.

Rajagopal, S. Ramanan, S., Visvanathan, R., & Satapathy, S. (2011). Halal Certification: Implication for Marketers in UAE. *Journal of Islamic Marketing*, 2(2), 138-153.

Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail, Idris Awang. (2006). Pendekatan Baru Maqasid al-Shariah dalam Pengajian Syari'ah di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Fiqh*, 3.

Rehman, S. S., and Askari, H. (2010). How Islamic are Islamic countries? *Global Economy Journal*, 10(2), pp. 1-29.

Sara N. Maswadeh (2014). A Compliance of Islamic Banks with the Principles of Islamic Finance (Syari'ah): an Empirical Survey of the Jordanian Business Firms. *International Journal of Accounting and Financial Reporting*, Vol. 1, No.1.

Zailani, S., Omar, A., & Kepong, S. (2011). An Exploratory Study on the Factors Influencing the Non-compliance to Halal among Hoteliers in Malaysia. *International Business Management*, 5(1) 2011, pg 1-12.

## KERTAS KERJA

Ahmad Zain An-Najah. (2015). Tantangan Penerapan Syari'ah. Seminar Serumpun Melayu: Sudah Islamikah Negeri Kita?, Jakarta 20 Januari 2015.

Asraf Wajdi Dusuki & Dar. H (2005). Stakeholder's Perception of Corporate Sosial Responsibility of Islamic Banks: Evidence from Malaysian Economy. International Conference on Islamic Economics and Finance.

Faizah Ismail (2004). Maqasid al-Syariah dalam Pengajian Usul Fiqh. Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004. Nilai: Fakulti Syariah Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia.

LPPOM MUI (2015). Peran LPPOM MUI dalam Penjaminan Produk Halal di Indonesia. Seminar Serumpun Melayu: Sudah Islamikah Negeri Kita?, Jakarta 20 Januari 2015.

Muhammad Ismail Yusanto. (2015). Persepsi dan Indeks Kepatuhan Terhadap Syari'ah di Indonesia. Seminar Serumpun Melayu: Sudah Islamikah Negeri Kita?, Jakarta 20 Januari 2015.

Sepky Mardian (2015). Tingkat Kepatuhan Syari'ah dalam Ekonomi Perbankan. Seminar Serumpun Melayu: Sudah Islamikah Negeri Kita?, Jakarta 20 Januari 2015.

Syarizal Abbas (2015). Kepatuhan Syari'ah dalam Bidang Hukum dan Sosial Budaya di Aceh. Seminar Serumpun Melayu: Sudah Islamikah Negeri Kita?, Jakarta 20 Januari 2015.

#### **ARTIKEL / TESIS / AKHBAR**

Ahmad Sharol Azman (2005). *Dynamic Linkage Among BMSI, Emas Index and T.Bills*. Master's thesis. Northern Malaysia University, Malaysia (unpublished).

AirAsia X Bakal Hilang Status Syariah? (2014, May 8). *Utusan Online*.

*Bursa Bytes*. Issue 2 (1). (2009). Kuala Lumpur, Bursa Malaysia.

Bushey, Claire (2013, April 27). Mixing Islam with Medicine. *Crain's Chicago Business*.

Collina, Stefano and Gatti, Stefano (2009). *Islamic Equity: an Italian Perspective*. Paper submitted as fulfilment of the requirements of the Bachelor in Economics & Finance (CLEF) University of L. Bocconi.

MIFC Malaysia International Islamic Financial Centre (2013). *Shari'ah Screening Methodology: Adopting a Two-tier Quantitative Approach*. Insight. 31 October 2013.

M. Yusof, M.F dan Muhammad, M.Z (2010). Introduction of Syari'ah Compliant Hotel as a New Tourism Product: The Case of Malaysia. *Entrepreneurship Vision 2020: Innovation, Development, Sustainability, and Economic Growth* pg. 1142-1146.

Nurhanie Mahjom, Mohammad Alias & Noor Fadzilah Zulkifli (2011). Critical Success Factors for Bumiputera/Muslim Medical Tourism Provider: Solution for Financing Needs Using Financing Instruments. Prosiding PERKIM VI, Jilid 2 (2011) 184-195.

Price Water House Coopers (2009). *Syari'ah-compliant Funds: a Whole New World of Investment*.

Salman Syed Ali and Hamid Hasan. (2014). *Towards a Maqasid al-Syari'ah Based Development Index*.

## LAMAN SESAWANG

OECD, *The Organization for Economic Co-operation & Development (OECD)*. Retrieved on 27 December 2014, from  
<https://www.oecd.com>.

Stiglitz, J.E, Sen, A., Fitoussi, J.P (2009). *Report by The Commission on the Measurement of Economic Performance and Social Progress*. Retrieved on 27 December 2014, from  
<http://citeseerx.ist.psu.edu>.

University of Waterloo, Canada (2012). *How are Canadians Really Doing? The 2012 CIW Report*. Retrieved on 26 December 2014, from  
<https://uwaterloo.ca/canadian-index-wellbeing>.



**JAWATANKUASA TADBIR URUS  
INDEKS SYARIAH MALAYSIA**



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BLOK D7 & D9, KOMPLEKS D,  
PUSAT PENTADBIRAN  
KERajaan PERSEKUTUAN,  
62519 PUTRAJAYA.

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

**EDARAN PERCUMA**

ISBN 978-983-042-555-9



9 789830 425559